

QIADAH

KELANTAN CHIEF MINISTER INCORPORATED

قيدان رئيس الوزراء



Pemimpin

**"Saya bukan memerintah,
saya hanya mentadbir"**

Tok Guru Nik Aziz

Kelantan Brand
"The Royal Delicacy"

Travel
Amazing Adventure
in Kuala Koh

Fokus Tema
PELAN EKONOMI HIJAU
Sumber Tenaga Alternatif

GO Green



PMBK SAWIT SDN BHD

PMBK SAWIT Sdn Bhd adalah syarikat milik penuh
Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK)

Penubuhannya adalah bagi memenuhi
hasrat kerajaan negeri Kelantan untuk
meneroka sektor perladangan yang
dipercayai mampu membantu menjana
ekonomi negeri dengan lebih pesat

VISI Peneraju industri perladangan di negeri Kelantan



http://www.pmbk.com.my/pmbk_sawit.html



PMBK Sawit



PMBK SAWIT SDN BHD

Pejabat KORPORAT:
Tingkat 1, Lot 296, Seksyen 22
Jalan Kota Darulnaim, 15050 Kota Bharu
Kelantan darul Naim
Tel : 09 - 7471908 Faks: 09 - 7461908

Pejabat OPERASI:
PT 7813, Taman Mesra , Jalan Persiaran Raya
18300 Gua Musang, Kelantan Darul Naim
Tel : 09 - 912 0710 Faks: 09 - 912 0711
E-mel: general@pmbksawit.com

QIADAH

KELANTAN CHIEF MINISTER INCORPORATED

قيداه

editorial

chief editor

Ir. ABDUL ARIFFAHMI AB RAHMAN
chief operating officer
Kelantan Chief Minister Incorporated

deputy chief editor

SYED AZIDI SYED ABDUL AZIZ
corporate liaison officer
Kelantan Chief Minister Incorporated

editorial committee secretary

NIK AIDA NIK AHMAD
executive, finance & administrative
Kelantan Chief Minister Incorporated

editorial committee

Dr. ROSLI ALLANI ABDUL KADIR
special officer for Chairman of Economic
Planning, Finance & Welfare Committee

ADLI SHARIDAN SAHAR

legal adviser
Kelantan Chief Minister Incorporated

KAMARUZAMAN ABDULLAH
manager, corporate communication
PMBK Sawit Sdn Bhd

NIK MOHD SHAHRIZAL SUDIN
lecturer
D.D. Multimedia Solution Sdn Bhd

published by

KELANTAN CHIEF MINISTER INCORPORATED

6th floor, PMBK Building, Jalan Kuala Kral
15150 Kota Bharu, Kelantan, Malaysia
telephone +609 747 4082 fax +609 747 7815
website www.pmbk.com.my
email info@pmbk.com.my

produced by

GLOBAL MEDIA CHANNEL SDN BHD

P.O. Box 356
15740 Kota Bharu, Kelantan, Malaysia
telephone +609 744 6800 fax +609 748 6800
website www.globalmediachannel.net
email qiadah@globalmediachannel.net
contact person ZAIDI HJ. ABDULLAH

printed & colour separation by

ANGKATAN EDARAN ENTERPRISE SDN BHD

Lot 6, Jalan Tukang 16/4, Seksyen 16
40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
telephone +603 5519 6273 fax +603 5512 7985
email aedaran@hotmail.com

editorial coordinator

BARIAH ISHAK
executive director
Global Media Channel Sdn Bhd

assist. editorial coordinator

WAN NOOR EZREEN WAN AB AZIZ

accounts executive

MARSUKI MUHD ALI

editor

MAIZURAH AK (English Section)

writer

SITI MASITAH MOHAMED

designer

MOHD HAIKAL ROZAINI

layout

MOHD. MUHAIMIN MOHD ARIPIN

apprentice

SITI HAJAR HARIATI MOHAMAD

advertising, marketing & promotions

ZAIDI HJ ABDULLAH

distribution

NURUL FARHANA ABDUL RANI

photographers

SHEIH MOHD IQBAL ABDUL RAHMAN

MOHD ZAWAWI AHMAD

contributors

AHIRUDDIN ATTAN SENAWI MUSA CAT ISHAK
ABI FIRDAUS AT-TIRMIZI MOHD ZAWAWI AHMAD ROSA ROS
NIK KHARTINA NIK MAN MULYANI ABDULLAH ERINA RAHIM

**FOR EDITORIAL INQUIRIES AND INQUIRIES
CONCERNING ADVERTISING AND CIRCULA-
TION PLEASE CALL Ms. NIK AIDA +609 747
4082 OR Mr. ZAIDI +609 744 6800**

No part of this magazine may be reproduced without the written permission of Kelantan Menteri Besar Incorporated (PMBK). All rights reserved. Copyright 2008 by PMBK. Opinion express in QIADAH are writers' and not necessarily endorsed by PMBK. PMBK and the producer are not responsible or liable in any way for the contents in any of the advertisements, articles, photographs or illustrations contained in this publication. Editorial inquiries and inquiries concerning advertising and circulation should be address to PMBK. PMBK accept no responsibility for unsolicited manuscripts, photography, illustration and other editorial materials. The Editorial Team reserves the right to edit and/or re-write all materials according to the needs of the publication upon usage.

"New Generation For Your Engine Performance..."



OUR PRODUCTS

- Sukimi CI-4 M/G 15W-40
- Sukimi 340 CF4 15W-40
- Sukimi 340 CF4 20W-50
- Sukimi 340 CF4 SAE 40
- Sukimi 7045E (ATF)
- Sukimi Super Racing 4T SAE 20W-50
- Sukimi Super Racing 2T

HEAD QUARTERS:

BANGUNAN SUKIMI
Lot 83, Seksyen 23, Jalan Telipot,
15150 Kota Bharu, Kelantan.
Tel: 09-7447911/ 7444911/ 7486000
Fax: 09-7437911 / 7434911

SALES OFFICE:-

No.1, Blok F, Jalan Saujana Indah 10
Taman Perindustrian Saujana Indah
40000 Shah Alam, Selangor.
Tel: 09-78422170 Fax: 09-78422179

KUMPULAN SUKIMI

Leading the way...



KUMPULAN
SUKIMI

<http://www.sukimioil.com.my>

QIADAH

KELANTAN CHIEF MINISTER INCORPORATED

قبران منسري لسنر كلسنتون



MUKA HADAPAN

Foto pokok padli dirakamkan oleh jurufoto MOHD IQBAL ABDUL RAHMAN di Tunjong, Jalan Kuala Krai beberapa kilometer dari Bandar Kota Bharu. Gambar tersebut digabungkan dengan wau bulan dan kinclr angin melalui teknik 'super impose' oleh pereka grafik MOHD HAIKAL ROZAINI sesuai dengan tema terbitan pertama QIADAH iaitu 'Sumber Tenaga Alternatif Untuk Masa Hadapan'. Bolehkah senario ini di realisasikan di tahun-tahun mendatang? Adakah kita cukup bersedia untuk beralih kepada sumber tenaga alternatif dan seterusnya mengurangkan pengantungan kepada bahan bakar konvensional? Tepuk dada, tanya selera.

ZULKAEDAH
1429H
KANDUNGAN

10 FOKUS TEMA
mukasurat




SUMBER TENAGA ALTERNATIF
Mengupas bagaimana Pelan Ekonomi Hijau yang dirancang di Kelantan dapat mengurangkan pengantungan terhadap sumber tenaga konvensional.

21 PEMIMPIN
mukasurat



TEMUBUAL
blogger ternohar, Ahlrudin Attan mencungkil rahsia 18 tahun pimpinan TOK GURU

58 CONTENTS
DESTINATION



KUALA KOH
the incalculable beauty and abundance of nature's wealth

68 FOOD
page



KETUPAT DAUN PALAS
serving for eid ul-fitr

82 KELANTAN BRAND
page



MURTABAK RAJA
the royal delicacy

33 FOKUS PMBK
mukasurat



PERBADANAN MENTERI
BESAR KELANTAN

90 KELANTAN A TO Z
page
Kelantan Encyclopedic
ENCYCLOPEDIA



28 TOKOH
mukasurat



TOK JANGGUT
Pejuang atau penderhaka? Kupasan daripada naskah Prof. Dr. Nik Anuar Nik Mahmud

47 KELANTAN SANA SINI
mukasurat



SEKOLAH ATAS TEMBOK

73 KELANTAN SANA SINI
mukasurat



6 PASAR UTAMA DI KELANTAN

38 FOKUS PMBK
mukasurat



KELANTAN BIOTECH CORPORATION SDN BHD

40 FOKUS PMBK
mukasurat



KIFAALAH SDN BHD

44 FOKUS PMBK
mukasurat




KELANTAN UTILITIES
MUBARAAKAN HOLDING SDN BHD

86 KRAF
mukasurat



KILAUAN PERAK

88 KELANTAN SANA SINI
mukasurat



PEJABAT SUK NEGERI
KELANTAN

41 FOKUS PMBK
mukasurat



D.D. MULTIMEDIA
SOLUTION SDN BHD

46 FOKUS PMBK
mukasurat



PMBK SAWIT SDN BHD

96 AKTIVITI PMBK
mukasurat



editorial note



Until today, I can still remember the smell of the harvested paddy field during the dry season. Well, no matter how high you climb, there are things that you would never forget.

Although the lingering smell was so refreshing, it wasn't what I looked forward to the most. It did however mark the one really important journey for me. It was the smell that awoke me in the morning when I found Deanan, Jay, and Pok Cik Mat, my three faithful buddies, all geared up and waiting for me to join them in making our very first real kite or what is popularly known in Kelantan as Wau Bulan.

Building your very own kite is an epic by itself. The journey into the unknown left me with scratches all over my body thanks to my engagement with some stubborn bamboo trees; it was also a bloody experience, my loosing blood not only to the wily mosquitoes but also through all the cuts and bruises incurred during the crafting lesson.

I shall never forget the feeling or be able to put in writing just how I felt standing there in the barren paddy field with my head held high, staring at the silhouette of my first Wau Bulan flying majestically hundreds of feet high in the sky. Nevertheless, that same feeling revisited me when the first copy of Qiadah landed on my desk.

As an engineer by profession, I understand, technology will never cease to advance, and we will continue to push to the limit, taking us further to where we have never been before. May Qiadah bring us to where Perbadanan Menteri Besar Kelantan (Kelantan Chief Minister Incorporated) has never reached before. God Willing!

Salaam and regards,

Ir. Abdul Ariffahmi Ab Rahman



PELAN EKONOMI HIJAU Negeri Kelantan menumpukan kepada sumber ekonomi negeri mapan, mesra rakyat dan mesra alam, **Senawi Musa** mengupas bagaimana ianya dapat membantu...

**Mengurangkan
Pengantungan Terhadap
Sumber Tenaga Konvensional**

PADA 5 JUN YANG LALU rakyat di negara ini dikejutkan dengan kenaikan harga petrol sehingga 78 sen seliter. Kenaikan tersebut dibuat disaat rakyat di negara ini tidak membuat sebarang persediaan disebabkan kenyataan kerajaan pusat bahawa harga bahan bakar itu akan hanya dinilai semula pada Ogos lalu.

Kenaikan harga bahan bakar itu mencetuskan kegelisahan dikalangan rakyat terutama golongan bawahan dan menengah yang pada masa ini masih bergelut dengan kenaikan harga barang dan kekurangan beras dipasaran. Pengumuman itu menambahkan lagi keresahan rakyat dan kebanyakan mereka menyifatkan kerajaan tidak prihatin dengan kesengsaraan yang dialami mereka sebelum ini.

Persoalannya kenapa Kerajaan Persekutuan membuat pengumuman mengejut? Alasan yang diberikan adalah disebabkan kenaikan harga minyak global yang tidak dapat dibendung lagi.

Daripada alasan ini, rakyat boleh membuat satu kesimpulan mudah, Kerajaan Persekutuan tidak pernah membuat sebarang persediaan untuk menghadapi turun naik harga minyak sedangkan ia boleh dijangka sejak Amerika Syarikat menyerang Iraq kira-kira lima tahun lalu.

Sewajarnya dalam tempoh itu

kerajaan sudah boleh membuat persediaan awal dengan menggalakkan rakyat membuat persediaan dengan mempromosikan kegunaan sumber tenaga baru seperti solar, angin, gas asli (NGV) dan gas petroleum cecair (LPG).

Selain daripada harga yang melambung tinggi dipasaran, penggunaan petrol dan diesel



Kenaikan harga runcit bahan bakar, membebaskan segenap lapisan masyarakat

sebagai bahan bakar utama juga menyebabkan masalah pencemaran yang teruk dan boleh memberikan impak besar kepada dunia hari ini.

Ini kerana, peningkatan aras karbon dioksida dalam udara akan menyebabkan fenomena pemanasan global yang menghadirkan impak bencana luar jangka serta boleh membinasakan dunia. Seajar dengan itu, pembangunan teknologi tenaga boleh diperbaharui yang bebas karbon amat perlu diusahakan.

Sememangnya kita tidak boleh menunggu dan memikirkan

sampai bilakah harga minyak akan stabil. Kita perlu melakukan transformasi besar-besaran kepada teknologi yang berasaskan sumber boleh diperbaharui. Mekanisme pasaran samada oleh OPEC atau spekulasi Pasaran Hadapan tidak akan dapat menjamin harga minyak mentah akan kekal pada satu harga. Oleh itu para saintis, jurutera dan

para cendekiawan ekonomi di negara ini perlu bersatu mencari formula baru untuk meringankan beban rakyat, bukan sekadar menyatakan angka-angka statistik untuk bacaan rakyat semata-mata.

Justeru itu, kerajaan negeri Kelantan telah menghimpun pakar dalam bidang terbabit pada Perbincangan Meja Bulat Sumber Tenaga Negeri Kelantan baru-baru ini bagi mencari jalan menyelesaikan masalah tersebut dan menggunakan tenaga baru semaksimum yang boleh.

Pengerusi Jawatankuasa Perancangan Ekonomi, Kewangan dan Kebajikan Negeri Kelantan, YB. Dato' Haji Husam Musa berkata, perbincangan itu amat penting bagi mendapatkan satu pelan pengganti sebagai alternatif kepada bahan bakar yang ada pada masa sekarang.

Persidangan meja bulat itu akan

menggariskan strategi terhadap pelan tindakan itu yang merangkumi penggunaan tenaga solar, NGV dan LPG untuk mengurangkan kebergantungan penggunaan bahan bakar tersebut.

"Kerajaan Negeri akan berusaha untuk memberikan kemudahan kepada rakyat di negeri ini, perancangan kita adalah untuk membekalkan sendiri NGV kepada penduduk di sini disamping menyediakan kemudahan pemasangan tangki NGV pada kenderaan masing-masing.

"Bagi meringankan beban, kita memberikan kemudahan bayaran ansuran kepada mereka yang

'Kerajaan Persekutuan tidak pernah membuat sebarang persediaan untuk menghadapi kenaikan harga minyak sedangkan ia boleh dijangka sejak Amerika Syarikat menyerang Iraq...'

memasang tangki NGV, Kerajaan Negeri amat komited dalam hal ini dan gas tersebut akan diagihkan ke semua kawasan di negeri ini," katanya.

Katanya, bagi memastikan projek ini berjaya, isu pendaratan gas asli perlu dibincangkan dengan teliti pada kadar segera walaupun ia dalam bidang kuasa Petronas.


Pemantauan dengan satu pelan tindakan yang teliti boleh memecahkan kebuntuan tersebut.

Semasa perbincangan meja bulat tersebut, Tuan Haji Johari Bin Ismail, Pengarah Asiamalmart Sdn Bhd berpendapat bahawa Kerajaan Persekutuan masih lagi

teragak-agak untuk menggunakan tenaga diperbaharui ini.

Sebagai contoh penggunaan tenaga solar, memang diakui kosnya agak tinggi tetapi ia boleh dikurangkan dengan pemberian subsidi oleh kerajaan.

"Panel solar untuk satu watt berharga kira-kira USD\$9 (RM28)



Pembangunan mengundang permintaan sumber tenaga elektrik yang lebih tinggi

dan kita akan cuba sedaya upaya supaya harga tersebut dapat dikurangkan kepada USD\$5 (RM16)".

"Setiap panel solar terabit dapat menyimpan tenaga sehingga tujuh hari dan kebiasaannya selama tiga hari, saiz untuk sebuah panel tersebut adalah sebesar sebuah CPU komputer," katanya.

Panel solar boleh dipasang terus pada dinding bangunan dan kebanyakan rumah di negara Eropah telah menggunakan teknologi bagi mengurangkan kegunaan tenaga konvensional.



Penggunaan tenaga solar secara meluas dapat membantu mengurangkan penggantungan kepada bahan bakar konvensional. (foto dari internet)

Pun begitu, Haji Johari menjelaskan untuk kegunaan solar tidak boleh digunakan bersendirian di rumah, ia mesti digabungkan dengan penggunaan turbin angin bagi memastikan tenaga yang dibekalkan mencukupi.

Penggunaan tenaga solar di negara-negara maju semakin meningkat, ini terbukti dengan pembukaan kilang mereka di Malaysia yang menghasilkan plat solar untuk kegunaan di negara-negara maju. Negara kita seharusnya mengambil langkah yang sama untuk memajukan bidang ini.

Pada penghujung tahun 2007, kapasiti pengeluaran tenaga melalui sumber tenaga angin dunia adalah sebanyak 94.1 Gigawatt. Meskipun kini tenaga angin hanya menjana kira-kira satu peratus daripada jumlah

penggunaan petrol dan diesel sebagai bahan bakar utama juga menyebabkan masalah pencemaran yang teruk dan boleh memberikan impak besar kepada dunia hari ini...

dengan Negeri ini kerana ia mempunyai kawasan pesisir pantai yang luas.

Asiamalmart dan Mofaz Group memegang paten kepada kebanyakan peralatan seperti komputer riba dan telefon bimbit berkuasa solar mencadangkan supaya pemaju teknologi ini diberikan potongan cukai sebanyak 60 peratus bagi menggalakkan ia berkembang dengan cepat.

Selain daripada solar sebagai sumber tenaga pengganti, penggunaan NGV juga amat penting malah ia boleh mengambil alih penggunaan

tenaga elektrik seluruh dunia, ia kini merupakan pembekal sebanyak 19 peratus tenaga elektrik Denmark, sembilan peratus di Sepanyol dan Portugal serta enam peratus di Jerman serta Ireland.

Pemilihan tapak janakuasa elektrik pula amat bergantung kepada taburan tiupan angin dan ketinggian menara kincir angin. Kajian terperinci mengenai kesesuaian tapak dan taburan halaju angin boleh membantu dalam proses pembangunan teknologi ini. Ia dilihat amat bersesuaian

petrol dan diesel yang digunakan oleh kenderaan di negara ini. Bagaimanapun di negara ini penggunaannya amat terhad kerana ia hanya dibekalkan di Lembah Klang dan di negeri-negeri di selatan sahaja.

Cuba bayangkan NGV boleh memberikan penjimatan yang berlipat kali ganda, misalnya, untuk kereta jenis Proton Wira kos NGV untuk satu kilometer hanya lima sen berbanding petrol sebanyak 25 sen per kilometer. Ini akan menguntungkan pengguna. Kos untuk setangkai NGV adalah sekitar RM10 sehingga RM11

berbanding kos petrol yang boleh mencecah sehingga RM100 mengikut harga semasa. Berbanding dengan penggunaan LPG, ia lebih selamat dan murah, NGV jauh lebih baik.



TUAN GURU MENTERI BESAR KELANTAN terus tegas menuntut hak pendaratan gas asli di pantai Kelantan dimasukkan ke dalam pelan induk Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER). Jika tuntutan ini berjaya, ia akan mempercepatkan proses peralihan dari bahan bakar konvensional kepada bahan bakar alternatif secara meluas di Kelantan.



YBhg. Dato' Seri Lim Chong Keat, aktivis alam sekitar dan YB. Dato' Haji Husam merenung jauh ke Empangan Pergau. Pergau terkenal kaya dengan khazanah flora dan fauna.

Pengarah Pemasaran dan Jualan Sugoi NGV Technology Sdn. Bhd. Steven Ng ketika membentangkan kertas kerja pada Perbincangan Meja Bulat itu berkata, NGV mempunyai banyak kelebihan berbanding dengan petrol. Penggunaan gas ini tidak seperti LPG yang mudah terbakar dan sifatnya yang mesra alam turut membantu mengurangkan pencemaran alam sekitar.

"NGV tidak mengeluarkan karbon dioksida yang menyumbang kepada pemanasan global, kita memerlukan kerjasama dari agensi kerajaan untuk menjayakan projek NGV kerana ia memerlukan kos yang agak tinggi".


"Untuk membina sebuah stesen NGV ia memerlukan kos sebanyak RM4 juta tetapi Sugoi bersedia memikirkan untuk membuat pelaburan mengikut fasa bagi membina 40 buah stesen di Kelantan," katanya.

peningkatan aras karbon dioksida dalam udara akan menyebabkan fenomena pemanasan global yang menghadirkan impak bencana luar jangka serta boleh membinasakan dunia...

Berdasarkan sifatnya, NGV boleh menjadi pengganti kepada semua bahan bakar dan ia juga boleh digunakan untuk kegunaan domestik seperti rumah dan kilang-kilang. Pun begitu kemudahan infrastruktur untuk bahan bakar ini masih kurang di negeri ini dan ia memerlukan treler untuk mengangkut gas dari stesen induk ke stesen penjualan runcit.

Steven berkata, untuk memastikan projek ini berjaya, kerajaan perlu memberikan galakan dan insentif bagi menggunakan NGV dan beliau mencadangkan supaya peralatan NGV bebas cukai import serta jualan.

Bagi pengguna pula, potongan cukai, jalan sebanyak 25 peratus untuk pengguna yang menggunakan bahan bakar itu bersama petrol manakala 50 peratus bagi pengguna mono. Kos pemasangan tangki NGV adalah disekitar RM3,000 sehingga RM8,000 dan mengambil masa selama dua sehingga lima jam untuk kerja-kerja pemasangan. Sugoi bersedia untuk bekerjasama dengan Kerajaan Negeri untuk pemasangan tangki kepada kenderaan.



Bagi negara ini gas asli untuk kenderaan hanya dibekalkan oleh Petronas dan diharap usaha ini mendapat sokongan sepenuhnya daripada syarikat petroleum negara.

Steven menegaskan, Kerajaan Persekutuan sewajarnya mencontohi tindakan Iran yang mewajibkan semua kenderaan di negara itu menggunakan NGV menjelang 2010 sebagai usaha mengurangkan penggunaan petrol di negara itu.

"Kerajaan Kelantan harus memohon kepada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri untuk mengimport bahan bakar ini.

"Untuk mengendalikannya agak mudah kerana kita tidak memerlukan saluran paip kerana ia boleh dijual dengan menggunakan tangki silinder," katanya.

Dalam pada itu, wakil dari KBBN Sdn Bhd. Hassan Datuk Hussin berkata, gas asli tanpa subsidi dijual dengan harga RM1.20 seliter di Thailand dan jika diimport terus dari negara itu ia boleh dijual dengan harga 90 sen.

Berdasarkan pembentangan di atas, Kerajaan Negeri Kelantan bersedia sepenuhnya untuk memulakan dimensi baru daripada bergantung kepada tenaga kovensional dan beralih kepada tenaga baru yang lebih mesra alam serta murah.

Malah Husam berkata, Kelantan bersedia sepenuhnya untuk menjemput aktivis alam sekitar, Al Gore untuk perbincangan tenaga diperbaharui bagi peringkat Asia Tenggara sempena 'Green Economic Plan' di negeri ini.

"Hasil perbincangan ini dapat dirumuskan, sebuah terminal sebagai pusat penyaluran gas asli perlu dibina di negeri ini disamping kita turut menjemput pelabur dari Thailand.

"Bagaimanapun perbincangan mengenai NGV ini perlu diperincikan lagi kerana masih banyak perkara yang dibincangkan dengan teliti, saya berharap KBBN akan menyediakan kertas kerja lengkap bagi membekalkan NGV di negeri ini," kata Husam.

KBBN dan rakan kongsinya, Sugoi diminta bersedia untuk melakukan demonstrasi untuk mem-



Steven Ng bagi pihak Sugoi Technology Sdn Bhd

bekalkan NGV di negeri ini dalam tempoh dua bulan lagi.

Ini semua merupakan inisiatif kerajaan Kelantan untuk mengurangkan penggunaan tenaga konvensional yang 'diikat' oleh kerajaan pusat dengan harga global walaupun mereka menyedari pengeluaran minyak negara dapat menampung permintaan tempatan.


Langkah untuk memajukan sektor tenaga boleh diperbaharui telah dimulakan oleh negara-negara maju. Kita juga harus bergerak pantas untuk membangunkan teknologi, bagi mengelakkan

negara kita terjebak dari penjajahan bentuk baru ini.

Keupayaan Negara kita dengan sumber modal insan yang pakar dalam bidang kejuruteraan, sains dan ekonomi wajar dimanfaatkan bagi membangunkan teknologi ini. Andainya kita berjaya sudah tentu kita akan mampu menawarkan penyelesaian baru kepada dunia dalam menangani kemelut kenaikan harga minyak ini.

Tiada kata terlambat bagi melakukan perubahan, tenaga boleh diperbaharui bebas karbon merupakan alternatif masa depan yang dapat membantu pamban-

gunan negara secara lestari.



Tanaman Jarak Pagar dapat membantu memulihkan tanah terbiar, meningkatkan ekonomi penduduk dan menghasilkan bio-diesel.

**Mencari hadiah yang lain dari yang lain?
Mencari sesuatu yang ringkas tetapi berharga?
Kami adalah tempat yang tepat bagi anda**

Hubungi
Iskandar Abdullah
013 - 9774560



**KOPERASI PERKIM
NEGERI KELANTAN BERHAD**

Multi Purpose Pewter Based Decoration
Tradition Exclusive Quality | Tradisi Eksklusif Kualiti

PEWTER PERHIASAN PELBAGAI GUNA
Cenderahati & Hadiah • Tradisional • Piala • Logo



Dengan pembelian termos e-Hayat

**Hanya
RM 78.00**

18 - 65 TAHUN



Perolehi Perlindungan Insuran
secara **PERCUMA**
dan mencipta pendapatan lumayan

1 Perlindungan Insuran - PERCUMA

- Kemalangan Maut - RM50,000.00
- Keilatan Kekal - RM50,000.00
- Khairat Kematian - RM1,000.00
- Kerusi Roda - RM 500.00
- Bantuan Akibat Lumpuh - RM1,000.00 setiap bulan untuk selama 6 bulan
- Kemasukkan Hospital - RM100/sehari (30 hari)
- Demam Denggi - RM 100.00 setiap kes

2 Menjana pendapatan hebat

3 Kemudahan membeli kad-prepaid pada harga istimewa dengan hanya menggunakan SMS



WAWASAN HAYAT SDN BHD

Lot 297 T/1, Jalan Kota Darulnaim, 15150 Kota Bharu, Kelantan Darulnaim.
09-7474618 (5 Line) 09-7447618 (Fax)
Laman Web: <http://www.wawasanhayat.com.my>



Blogger terkenal Ahirudin Attan dan wartawan veteran Nuraina A. Samad menemubual Tok Guru baru-baru ini bagi mengetahui rahsia pentadbirannya selama 18 tahun di Kelantan



“Saya tidak memerintah Kelantan, saya mentadbir Kelantan. Bila disebut Kelantan, bukan negerinya, tapi rakyatnya. Tumpuan utama pentadbiran ialah qalbu manusia. Kita mesti jaga qalbu manusia, kerana qalbu ini sengaja Allah S.W.T cipta untuk diisi dengan yang buruk dan baik. Dengan kita jaga qalbu manusia, dengan automatik terjaga habis, ekonomi manusia, sosial manusia, budaya manusia dan aqidah manusia.”

Saya sudah berkecimpung di dalam dunia kewartawanan selama lebih dua dekad tapi ini adalah temubual pertama saya dengan tokoh yang dipanggil Tok Guru oleh semua lapisan masyarakat di Malaysia. Pertemuan yang diatur oleh Encik Ariffahmi, Ketua Pegawai Operasi Perbadanan Menteri Besar Kelantan.

Ia berlangsung di Rumah Sri Kelantan, tidak berapa jauh dari Menara Berkembar Petronas yang pernah dijulang sebagai bangunan tertinggi di dunia.

Sebaik saja masuk di ruang tamu banglo itu, Menteri Besar Kelantan, Y.A.B Dato' Nik Abdul Aziz Bin Nik Mat baru selesai bersarapan bersama tetamunya dari keturunan Cina. Selepas bersalaman dan tetamu tadi meninggalkan kami, tanpa berlelah saya memulakan temubual pagi itu dengan bertanya khabar.

Seperti di dalam foto, Tok Guru seorang yang kecil susuk tubuhnya. Dengar-dengar, kesihatan beliau tidak menentu tetapi pagi itu Tok Guru nampak ceria dan fokus beliau amat tajam.

Bila saya minta beliau berkongsi rahsia pemerintahan PAS selama 18 tahun di Negeri Kelantan, Tok Guru bingkas menjerah,

"Saya tidak memerintah Kelantan, saya mentadbir Kelantan. Bila disebut Kelantan, bukan negerinya, tapi rakyatnya," kata beliau.

Setelah puashati yang kami faham beza antara "perintah" dan "tadbir" barulah Nik Aziz bercerita tentang falsafah pentadbiran Negeri Kelantan.





“Islam datang ke dunia bukan bawa benda baru, Islam datang untuk membetulkan perkara lama...” - Nik Abdul Aziz

"Qalbu," mula beliau.

"Tumpuan utama pentadbiran ialah Qalbu manusia, kerana Qalbu ini sengaja Allah S.W.T cipta untuk diisi dengan yang buruk dan baik".

"Dengan kita jaga qalbu manusia, dengan automatik terjaga habis, ekonomi manusia, sosial manusia, budaya manusia dan aqidah manusia".

Bagi saya, jawapan yang mengagetkan sebenarnya. Ramai juga ketua negara dan negeri, syarikat besar dan kecil yang pernah saya temubual tapi tak sekalipun dikejutkan dengan jawapan yang begitu bersahaja.

Selalunya bila ditanya tentang rahsia sesuatu kejayaan,

seseorang itu akan dengan gahnya bercerita tentang kehebatan diri sendiri atau seseorang pemimpin. Tidak tentang qalbu.

Bagaimana mahu saya terangkan kepada seorang rakyat atau pelabur asing tentang kejayaan pentadbiran Kelantan vis-a-vis qalbu?

Mudah, kata Nuraina semasa kami meninggalkan Rumah Sri Kelantan. "Lihat pada hasil pentadbiran tersebut."

Sebelum itu, kaji dulu kejayaan politik PAS dan Nik Aziz. Sejak menubuhkan Barisan Nasional di Kelantan pada 21 Oktober 1990, PAS telah berjaya mengekalkan pegangannya di negeri ini pada pilihanraya umum

Prinsip Pentadbiran Kerajaan Negeri Di Bawah Tuan Guru Nik Abdul Aziz

UBUDIAH

berkait rapat dengan soal Iman (Aqidah) - merujuk kedudukan manusia sebagai hamba Allah S.W.T yang dicipta semata-mata untuk beribadat kepadanya.

MAS'ULIAH

berkait dengan soal Amal (Syariat) - pertanggungjawaban (akauntabiliti) kepada sifat kerja seseorang yang dikaitkan dengan kedudukan Allah S.W.T sebagai pemberi tanggungjawab.

ITQAN

berkait dengan soal Soleh (Akhlaq) - merujuk kepada kualiti kerja iaitu ketekunan, komitmen dan kesungguhan serta fokus dalam menjalankan tugas.

1995, 1999, 2004 dan 2008.

Semasa kemuncak populariti Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, iaitu pada tahun 2004, rakyat Kelantan tetap menolak Barisan Nasional.

"Islam datang ke dunia bukan bawa benda baru, Islam datang membetulkan perkara lama..." hujah Tok Guru, menafikan hujah saya bahawa beliau telah membawa pembaharuan kepada Kelantan. Sebaliknya Tok Guru berpendapat beliau hanya melaksanakan tugas sebagai hamba Allah dengan berpandukan Al Quran dan Hadith.

“Saya langsung tidak ada minat jadi Menteri Besar tetapi (terpaksa) oleh kerana percakapan, tingkah laku kita ni kalau tidak memegang jawatan, tidak ada ummph...” - Nik Abdul Aziz

Ekonomi Negeri Kelantan tidak sehebat Selangor atau Pulau Pinang, tetapi berbanding dengan banyak negeri-negeri lain, ia tidak terhimpit dengan gejala sosio-ekonomi yang meruncing.

Ini termasuk Negeri Terengganu, jiran terdekat Kelantan, yang kaya dengan hasil minyak tetapi mempunyai kadar kemiskinan yang jauh lebih teruk.

Semasa di Kelantan pada Mac tahun ini, saya terkejut melihat kemajuan fizikal negeri ini, termasuk kemudahan awam, jalanraya dan transformasi Kota Bharu itu sendiri. **Tesco** pun ada dan kumpulan hypermarket dari Britain itu menganggap cawangannya di Kota Bharu sebagai yang paling lumayan.

"Rakyat Kelantan *cash-rich*," kata kakitangan **Tesco** dalam suatu artikel untuk akhbar harian Negara Singapura.

Kaedah PAS mentadbir Kelantan sebenarnya bukan misteri. Slogan "**Membangun Bersama Islam**" tidak sekadar retorik tetapi disalurkan kepada setiap jurusan kehidupan harian.

Setiap dasar dan polisi yang dilaksanakan bertunggak pada tiga prinsip iaitu **Ubudiah, Mas'uliah** dan **Itqan**.

Temubual kami, bagaimanapun, tidak menyulam urusan ekonomi

“Percakapan saya sebelum dan selepas jadi Menteri Besar perkara yang sama saja. Tapi dulu tak ada siapa peduli pun, kerana landasan yang saya duduk tidak ada reinya...” - Nik Abdul Aziz

Kerajaan PAS Kelantan secara mendalam atau terperinci apabila Tok Guru menyarankan saya bertanya terus kepada Ahli Exco Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab dalam soal Perancangan Ekonomi.

Disini terletak kelebihan Nik Aziz. Beliau tidak berlagak pandai dalam semua hal. Kekuatan dan kelebihan pemimpin yang ada dalam parti dan juga kerajaan negeri digunakan beliau sebaik-baiknya untuk manfaat parti dan ummah.

Hasilnya boleh kita lihat dari kesiambungan program pembangunan Negeri Kelantan yang wujud sekarang.



Pembaharuan Yang Diterajui Dalam Pentadbiran Awam Negeri Kelantan

Pengasingan Akaun Halal dan Haram

Pemindahan Akaun Simpanan Kepada Sistem Perbankan Islam

Pinjaman Bebas Riba Kepada Kakitangan Perkhidmatan Awam Negeri

Bekerja 5 Hari Seminggu Cuti Bersalin Selama 60 Hari

“Saya beberapa kali nak berhenti (dari jadi MB), tapi kawan-kawan (anggota Parti dan Kerajaan) dan rakyat saya nampak semakin sayang kepada saya, saya pun tak faham!”

Selama 18 tahun, fokus program-program tersebut masih berkisar kepada tiga kumpulan iaitu, Program Pentadbiran dan Kewangan, Program Kemajuan Islam dan Program Pembangunan dan Kesejahteraan Rakyat.

Berdasarkan program-program inilah, perubahan awal dibawa PAS di Kelantan selepas 1990 ialah menjalankan pembersihan. Usah pula disalah erti kerana pembersihan yang dimaksudkan bukannya mengusir mereka yang tidak menyokong Kerajaan bercorak Islamik yang dibawanya tetapi membersihkan secara fizikal segala tuntutan spiritual seperti mengasingkan akaun Kewangan Negeri Halal dan Haram, memindahkan Akaun Kerajaan Negeri ke perbankan Islam, penutupan premis perjudian, perberhentian pengeluaran lesen kepada pusat-pusat hiburan dan pengharaman penyajian minuman keras di tempat awam.

Pada waktu itu, tindakan Nik Aziz dicanang oleh lawannya sebagai

penindasan terhadap orang-orang bukan Islam, walhal tidak ramai yang tahu, sebelum pelaksanaan dasar-dasar itu, Tok Guru telah mengadakan siri rundingan dengan ketua-ketua agama Buddha, Hindu dan Kristian di Negeri Kelantan. Menurut Haji Hashim Omar, bekas Pegawai Khas Menteri Besar Kelantan, Tok Guru berdepan dengan mereka semua dan bertanyakan soal hukum mengikut ajaran masing-masing berhubung judi dan arak.

“Semua yang hadir setuju bahawa mengikut ajaran masing-masing, ianya adalah haram”, tegas Haji Hashim.

Bahkan selepas dilaksanakan, Nik Aziz menerima banyak surat yang ditulis oleh isteri-isteri mereka dari keturunan Cina mengucapkan terima kasih di atas pelaksanaan itu, “ada kata kerana dasar Tok Guru, sekarang suami mereka lebih banyak habiskan masa di rumah”, kata Haji Hashim dalam temubual berasingan mengingati isi kandungan salah sepucuk surat tersebut.

Tidak dapat dinafikan, kaum wanita adalah antara yang paling banyak dibela oleh Pentadbiran Tok Guru dengan melaksanakan dasar-dasar yang menghapuskan eksploitasi wanita.

Antara yang paling kontroversi ialah larangan papan tanda iklan yang mengeksploitasikan wanita. Ramai pengkritik waktu itu berpendapat tindakan ini akan menyebabkan industri periklanan di Kelantan akan lenyap, tetapi sebaliknya pada hari ini, rakyat Kelantan dapat melihat gambar model-model iklan ternama tanah air terpampang besar dengan berpakaian yang sopan dan menepati kehendak ajaran Islam. Dan sekali lagi, *trend* yang sama sudah mula dapat dilihat di beberapa papan iklan di luar Kelantan.

Saya bertanya Tok Guru tentang kemunduran dan kemiskinan yang masih ketara di beberapa pelosok negeri Kelantan.

Beliau mengakui semua itu tetapi juga mengingatkan kami yang segala program negeri yang tercapai hingga hari ini tidak dengan sebarang bantuan dari Kerajaan Pusat.

“Saya pegang Kelantan

POLISI PENTADBIRAN MEMARTABKAN KAUM WANITA

**Perlantikan Penghulu Wanita
Larangan Papan Tanda Iklan
Yang Mengeksploitasikan
Wanita
Kaunter Bayaran Berasingan
Kawalan Kedai Guntung
Rambut**

**Perlantikan Exco Wanita
Perlaksanaan Etika Berpakaian
Penghapusan Aktiviti
Pelacuran
Sukan Wanita Tanpa
Eksplotasi**

mudahan-mudahan Kelantan menjadi negeri rujukan...” tegas Tok Guru tentang visinya.

Ternyata kini di bawah kepimpinan Nik Aziz, pentadbiran Kelantan menjadi rujukan kepada kerajaan-kerajaan negeri lain di Malaysia. Namun begitu, beliau mahu kepimpinan PAS sentiasa beringat-ingat.

“Kena hati-hati. Jangan semata-mata bila kita menang kita lupa daratan. Boleh jadi ada di antara kita yang lupa daratan.”

Konsep sahaja tidak cukup untuk memastikan kejayaan. Rahsia sebenar kejayaan itu terletak kepada rakyat Kelantan itu sendiri, samada mereka mahu terus ditadbir cara begini.

Dan rata-rata jelas mereka mahu ditadbir terus oleh PAS dan Menteri Besarnya.

Hal ini diakui sendiri oleh Tok Guru. “Saya beberapa kali nak berhenti (dari jadi MB), tapi kawan-kawan (anggota Parti dan Kerajaan) dan rakyat saya nampak semakin sayang kepada saya, saya pun tak faham!”. kata beliau tersenyum.

“Kalau dulu setakat berjabat tangan, sekarang (bila bertemu saya) siap dakap dan cium...” tambahnya lagi.

“Kalau begitu tak payah berhenti lah Tok Guru” celah saya. “Nam-paknya begitulah!”, kata Tok Guru dengan senyum lebar mengakhiri pertemuan eksklusif dengan Qiadah. ■

PEMBAHARUAN YANG DITERAJUI DALAM POLISI KERAJAAN NEGERI

**Sistem Pajak Gadal Islam Ar-Rahn
Rumah Dhuafat Untuk Rakyat Yang Tidak Berkemampuan
Hospital An-Nisa' Berclirikan Islam
Alternatif Simpanan Dengan Dinar Emas
Penutupan Premis Perjudian**

**Skim Takaful Kifaalah Untuk Warga Emas
Perlantikan Wakil Pelbagai Kaum Sebagai Ahli Majlis Kerajaan Tempatan
Program Pendidikan Holistik Contohnya Penubuhan Maahad Tahfiz Sains**

**Polisi Perumahan dengan Jumlah Minimum Tiga Bilik
Larangan Penjualan Minuman Keras Di Tempat Awam
Pengurusan Hotel Berkonsepkan Islam
Program Kemajuan Islam Seperti Sambutan Bulan Sembahyang**




ABI FIRDAUS AT-TIRMIZI menjejak kembali naskah Nik Anuar Nik Mahmud

TOK JANGGUT PEJUANG ATAU PENDERHAKA

CUBA BAYANGKAN SITUASI INI, suatu hari rumah anda dikunjungi oleh tetamu yang kemudiannya dilayan dengan penuh mesra dan hormat serta dibenarkan pula menumpang berteduh beberapa hari di bilik tetamu.

Bagaimanapun, tetamu itu telah melampaui batas dengan menerjah bilik utama dan hampir keseluruhan rumah itu tanpa sedikit pun rasa segan dan hormat terhadap pemiliknya, keadaan menjadi lebih teruk lagi apabila dengan sewenang-wenangnya mengotori ruang ibadah sambil membuang najis merata-rata.



Jenazah Tok Janggut digantung secara terbalik di Padang Merdeka Kota Bharu untuk beberapa hari (Foto atas ehsan Prof. Dr. Nik Anuar) sebelum di makamkan di Pasir Pekan (Foto kanan)

Lebih dahsyat lagi apabila ditegur, tetamu men-canangkan kepada jiran bahawa dia langsung tidak bersalah, sebaliknya tuan rumah itu pula dianggap bersalah kerana tidak memberikan layanan yang sepatutnya.

Segala tohmahan dan fitnah itu malangnya telah dipercayai bulat-bulat dan apabila melawan tuan rumah pula yang dcederakan oleh jirannya yang sebelum ini telah berjiran lama dengannya.

Berdasarkan kepada pemikiran penuh waras, apakah usaha pemilik rumah ini berjuang bermati-matian untuk mendapatkan kembali hak dan maruahnya, boleh dianggap sebagai satu perjuangan atau pun satu penderhakaan?

Keadaan inilah yang dialami oleh pejuang kemerdekaan awal Tanah Melayu, Haji Mat Hassan bin Panglima Munas atau lebih terkenal dengan panggilan Tok Janggut yang bangkit menentang Inggeris di Kelantan tetapi telah dilabelkan sebagai penderhaka dan pemberontak oleh penjajah Inggeris.

Peristiwa bulan April 1915 mempunyai ruanganya tersendiri. Ia akan bersemadi dalam sejarah kebangkitan ummah.

- Prof. Dr. Nik Anuar Nik Mahmud

Inilah senario yang cuba dijelaskan oleh Nik Anuar Nik Mahmud melalui esei yang bertajuk 'Kebangkitan Tok Janggut' di dalam buku 'Tok Janggut - Pejuang atau Penderhaka?'





Jenazah Tok Janggut yang gugur didalam membela Agama dan Bangsaanya. Walaupun gugur tetapi terus dizalimi musuhnya.

Menerusi Perjanjian Bangkok yang ditandatangani oleh Kerajaan Siam dan British pada 10 Mac 1909, Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis jatuh ke tangan British. Long Senik, Yang di Pertuan Negeri Kelantan pada 22 Oktober 1910 terpaksa menerima seorang penasihat British. Menerusi perjanjian yang termeterai, kerajaan British mempunyai kuasa untuk campur tangan dalam urusan negeri sekiranya kerajaan Kelantan gagal mewujudkan keamanan di dalam negeri.

Kehadiran British di Kelantan

telah merugikan pembesar-pembesar tempatan, antaranya ialah Ungku Besar Jeram Tuan Ahmad bin Ungku Chik iaitu cicit kepada Long Gapar, pengasas kerajaan Kelantan.

Namun mereka tidak terdaya untuk melawan. Menyedari keadaan ini, Haji Mat Hassan atau Tok Janggut telah menawarkan diri untuk menentang British kerana bersimpati dengan Rakyat yang terbeban dengan pelbagai jenis cukai hasil. Sebagai permulaan, Tok Janggut dan Ungku Besar Jeram telah mengarahkan pengikut mereka di jajahan Pasir

Puteh untuk memboikot pembayaran cukai hasil kepada kerajaan. Tindakan ini berjaya apabila kutipan bagi daerah Bukit Abal dan Gaal untuk bulan April 1915 telah menurun daripada \$3,000 kepada \$89.32.

Sentimen anti British di Kelantan semakin meningkat apabila tercenusnya Perang Dunia Pertama pada Ogos 1914 diikuti dengan pengisytiharan Jihad ke atas penjajahan British oleh kerajaan Turki Uthmaniah yang menceroboh pengairannya. Di Kelantan, British melalui British Advisernya, Langham-Carter memaksa Sultan

Muhammad ke IV untuk mengeluarkan kenyataan menyokong kerajaan British dalam perang ini.

Keputusan ini mengecewakan Tok Janggut dan hasil dari perjumpaan bersama pengikutnya, mereka nekad untuk mengambil alih pemerintahan di Pasir Puteh dan mengisytiharkan jajahan itu merdeka serta bebas dari belenggu penjajahan British. Namun pakatan sulit ini telah diketahui oleh Pegawai Daerah Pasir Puteh, Encik Latiff yang kemudiannya mengeluarkan waran kepada pihak Polis agar Tok Janggut ditangkap. Ketua Balai Polis, Sarjan Che Wan Sulaiman bersama dua mata-mata menuju ke Kampung Tok Akib untuk menangkap Tok Janggut. Tok Janggut enggan menyerah. Dalam pergelutan yang berakur Sarjan Che Wan mati ditikam oleh Tok Janggut. Tok Janggut serta pengikut-pengikutnya telah menyerbu dan berjaya menguasai Bandar Pasir Puteh. Ungku Jeram Besar diisytihar sebagai Raja dan Tok Janggut sebagai Perdana Menterinya.

Bimbang dengan pengaruh Tok Janggut, Langham-Carter telah meminta Sultan menghantar pembesar-pembesarnya yang berpengaruh untuk berunding dengan Tok Janggut sebelum peristiwa di Pasir Puteh merebak ke jajahan yang lain. Amaran yang keras juga dikeluarkan bahawa British akan campur tangan sekiranya baginda gagal mengatasi masalah tersebut. Dato' Bentara Setia dan Dato' Menteri telah bertolak ke Pasir Puteh untuk berunding dengan Tok Janggut dan Ungku Jeram Besar.

Satu pertemuan telah diatur di

Kampung Cherang Tuli antara Tok Janggut dan Lebai Kadir, wakil Dato' Bentara dan Dato' Menteri. Tok Janggut menjelaskan bahawa beliau serta pengikut nekad mahu menghalau British keluar tetapi tidak berniat untuk menderhaka kepada Sultan serta memohon agar Sultan mengampunkan

perbuatan mereka. Kegagalan rundingan telah memaksa Sultan, atas nasihat Langham-Carter memutuskan untuk menangkap Tok Janggut serta pengikut-pengikutnya atas kesalahan 'menderhaka'. Namun Langham-Carter mengesyaki Sultan dan beberapa pembesar negeri bersimpati dengan Tok Janggut. Dalam diam Langham-Carter telah meminta Gabenor menghantar bantuan ketenteraan ke Kelantan bagi menghadapi kemungkinan kebangkitan yang lebih besar. Pada 5 Mei 1915, kapal H.M.S Calmus telah sampai di Kelantan dan telah diarah untuk mengawal Kuala Semerak agar bantuan 'asing' tidak sampai ke pihak penderhaka. Namun British masih gagal menangkap Tok Janggut serta pengikut-pengikutnya. Satu pengisytiharan dibuat supaya penderhaka-penderhaka menyerah diri dalam jangka waktu yang ditetapkan.


Tok Janggut serta pengikut tidak mahu menyerah diri dan sanggup menerima akibatnya. Tok Janggut sekali lagi menegaskan bahawa penentangan mereka adalah terhadap penjajahan British dan

Tok Janggut serta pengikut-pengikutnya telah menyerbu dan berjaya menguasai Bandar Pasir Puteh. Ungku Jeram Besar diisytihar sebagai Raja dan Tok Janggut sebagai Perdana Menterinya.

bukannya Sultan. Setelah tempoh penyerahan tamat, askar-askar telah membakar rumah Tok Janggut dan pengikut-pengikutnya. Pada 24 Mei 1915, Langham-Carter telah mengetuai pasukan Malay States Guides untuk memburu pemberontak-pemberontak. Mereka telah menggeledah rumah Khatib Abu Bakar di Kampung Merbol kerana percaya Tok Janggut menerima perlindungan di situ.

Khatib Abu Bakar mati dibunuh. Pasukan Malay States Guides telah bertempur dengan pengikut Tok Janggut apabila mereka bertembung di Kampung Dalam Pupoh, tidak jauh dari Kampung Merbol. Tok Janggut gugur bersama-sama pengikutnya Tok Abas dan Tok Hussein. Ungku Besar Jeram berjaya melarikan diri.

Mayat Tok Janggut telah dibawa ke Kota Bharu dan diarak sekeliling Bandar sebelum digantung dengan kakinya diatas bagi tontonan umum. Pihak British yang kecewa kerana gagal menangkap Ungku Jeram Besar telah menawarkan hadiah yang lumayan sehingga tertangkapnya



pengikut-pengikut Tok Janggut yang lain.

Kesimpulannya, Nik Anuar berpendapat walaupun pihak British berjaya menghancurkan kebangkitan Tok Janggut sebelum ia merebak menjadi satu kebangkitan yang lebih besar yang mampu menggugat kedudukan British di negeri-negeri Melayu, namun

tomahan penjajah British itu gagal untuk menghapuskan kebenaran perjuangan Haji Mat Hassan atau Tok Janggut. Penjajah British menganggap Tok Janggut sebagai penderhaka yang mesti dihapuskan, namun kepada Rakyat Kelantan, Tok Janggut adalah pejuang sejati yang sanggup gugur untuk tanahairnya.



Makam Tok Janggut di Pasir Pekan. Di sinilah Tok Janggut disemadikan setelah jenazahnya di gantung selama beberapa hari di Padang Merdeka Kota Bharu.

Ucapan terima kasih kepada Prof. Dr. Nik Anuar Nik Mahmud. Foto di ambil dari buku **Tok Janggut: Pejuang atau Penderhaka** dengan kebenaran dari Prof. Dr. Nik Anuar. Penghargaan juga kepada Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.



"PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN ditubuhkan bagi merangka pelan pembangunan dan memajukan ekonomi rakyat Kelantan, satu tugas dan amanah yang cukup besar untuk dilaksanakan."

PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN merupakan antara agensi utama Kerajaan Negeri Sembilan. Bagi mengetahui visi dan peranan PMBK, wartawan CAT ISHAK, MULYANI ABDULLAH dan ERINA RAHIM mendalami misi dan aktiviti PMBK semasa pertemuan dengan Ketua Pegawai Operasi PMBK, Ir. ABDUL ARIFFAHMI AB. RAHMAN yang menyandang jawatan tersebut dalam tempoh 8 bulan yang lalu.

Assalamualaikum, apakah perasaan saudara apabila dilantik sebagai ketua pegawai operasi PMBK?

Walaikumsalam. Pertama sekali saya selalu mengingatkan diri saya bahawa jawatan ini bukan merupakan privillage kepada diri saya malah ia merupakan satu amanah besar yang diletakkan dibahu saya seterusnya dilaksanakan dengan cara yang terbaik mengikut dasar dan arahan yang ditetapkan oleh YAB Tok Guru Menteri Besar dan Kerajaan Negeri Kelantan. Disamping itu perlu juga saya menyatakan rasa syukur diatas perlantikan ini kerana ia memberi peluang kepada saya untuk menggunakan

segala ilmu dan pengalaman untuk dicurahkan pada kerajaan dan rakyat negeri Kelantan.

Boleh saudara terangkan secara ringkas mengenai PMBK dan peranannya?

PMBK merupakan sebuah agensi kerajaan negeri yang diperbadankan dibawah enakmen PMBK 1950. Ianya diletakkan dibawah arahan YAB Menteri Besar Kelantan. Secara ringkasnya, peranan PMBK yang termaktub dalam enakmen ini adalah untuk melaksanakan pembangunan ekonomi dan sosial serta turut terlibat dalam aktiviti kebajikan rakyat. Buat masa ini PMBK mempunyai enam anak syarikat yang aktif

serta melibatkan beberapa bidang utama seperti perladangan, hartanah, infrastruktur dan utiliti, bioteknologi dan pendidikan. PMBK juga mempunyai jawatankuasa penasihat yang terdiri dari pegawai kanan kerajaan negeri bagi menasihati YAB Tok Guru Menteri Besar terutamanya melibatkan dasar kerajaan negeri.

Selama 8 bulan saudara dilantik, apakah penumpuan utama yang diberikan?

Dalam tempoh 1 tahun setengah sebelum saya dilantik, PMBK telah mengalami pertumbuhan pesat terutamanya penubuhan beberapa anak syarikat bagi menjalankan misi kerajaan.

Tugas saya adalah untuk meneruskan dan memperkemas lagi perjalanan aktiviti PMBK dan anak syarikat. Saya juga turut memberi tumpuan untuk memperkemas organisasi dalam PMBK dengan mewujudkan beberapa jabatan baru bagi mengimbangi dan menampung bebanan aktiviti demi memastikan semua program dan projek dilaksanakan dengan jayanya. Saya juga sedang berusaha untuk memastikan semua kakitangan dapat menghayati, memahami dan menterjemahkan melalui tindakan tentang dasar pentadbiran kerajaan negeri iaitu Ubudiah, Mas'uliah dan Itqan. Perkara ini penting kerana kakitangan PMBK perlu menjiwai fikrah dan hala tuju kerajaan dalam melaksanakan tugas seharian selaras dengan dasar kerajaan "Membangun Bersama Islam"

Disamping itu beberapa program diatur untuk menerapkan budaya kerja cemerlang dengan memahami bahawa kerja bukan hanya

untuk makan gaji malah ia perlu dilaksanakan dengan gigih dan sanggup memberi pengorbanan bagi memastikan kejayaan di atas program yang dilaksanakan. Secara umumnya adalah menjadi cita-cita saya untuk mengumpul generasi baru pengurusan bagi mewakili anak muda Kelantan yang efisien dan kreatif dalam menjalankan agenda Kerajaan. Kumpulan pengurus ini perlu memberi sumbangan lebih bertenaga dan inovatif untuk mempergunakan sepenuhnya aset dan sumber asli yang masih belum dieksploit sepenuhnya.

Apakah program yang sedang dijalankan oleh PMBK yang telah saudara sebutkan tadi?

PMBK sedang menjalankan beberapa projek seperti Bandar Baru Tunjung, Kelantan Stonor Tower, Madinatul Raudhah yang akan memberi impak yang besar kepada pertumbuhan ekonomi khususnya dalam bidang pembinaan. Selain itu PMBK melalui 5 anak syarikat iaitu Kifaalah, PMBK

Sawit, Darul Digital, Kelantan Biotech dan Kelantan Utiliti Mubarakan mempunyai perancangan yang khusus dalam menjana dan memacu ekonomi Rakyat Kelantan.

PMBK Sawit, umpamanya mengusahakan ladang yang diambil alih dari Felcra seluas kira-kira lebih 4,000 ekar. Kerajaan

Negeri dalam proses untuk meluluskan kawasan operasi sawit dan getah kepada 20,000 hektar (50,000 ekar) dalam masa 2 tahun dari sekarang. Jika perkara ini menjadi realiti, PMBK akan muncul sebagai syarikat yang mempunyai kawasan operasi yang terbesar di negeri Kelantan seterusnya menyumbang pendapatan yang besar kepada PMBK dan Kerajaan.

Di samping itu, Kelantan Biotech memfokuskan kepada 4 produk utama iaitu minyak kelapa dara, enzim, tisu kultur dan baja organik. Produk minyak kelapa dara sudah memasuki pasaran. Usahasama dengan Universiti Sains Malaysia sedang berjalan untuk membangunkan industri enzim di Kelantan.

Insyallah kita juga sedang membina sebuah kilang yang akan menumpukan kepada pembinaan dan pengeluaran enzim pada tahun hadapan.

PMBK tidak hanya memberi keutamaan kepada aspek penajaan ekonomi rakyat saja, kebajikan rakyat terutamanya warga tua juga merupakan satu misi penting dalam agenda kami. Projek Kifaalah (Skim Takaful) melalui Kifaalah Sdn Bhd bagi warga emas telah dijalankan sejak setahun setengah lalu. Dana kira-kira RM15 juta telah dibelanjakan yang memberi manfaat kepada lebih 100,000 warga emas di seluruh negeri. Umum mengetahui bahawa sumbangan besar PMBK melalui skim ini telah berjaya membina kasih sayang rakyat dan ianya terbukti melalui sokongan rakyat yang kita dapat rasai sekarang.

Pada masa sama, kami turut merancang beberapa perkara baru yang masih dalam peringkat perancangan serta pelaksanaan di peringkat awal.

Boleh saudara maklumkan apakah projek-projek baru yang sedang dirancang itu?

Tadi saya ada sebut bahawa anak syarikat PMBK, Darul Digital (DD) menjalankan kolej Animasi percuma kepada remaja yang berminat. Bagi memastikan syarikat DD mendapat keuntungan pada tahun seterusnya, dua projek yang agak *viable* telah di 'load' kan dibawah DD iaitu projek Wi-Fi Kelantan yang akan dikendalikan oleh anak syarikat DD bersama rakan kongsi Fistor Sdn Bhd iaitu pemegang lesen dari suruhanjaya multimedia (MCMC). Fasa pertama liputan Wi-Fi seluas 12km persegi di sekitar bandar Kota Bharu. Liputan ini telah pun berjalan sebagai testing period semenjak September 2008 yang melibatkan Bangunan PMBK, SUK dan Darul Digital (KB Bazaar). Yang istimewanya, kawasan liputan ini membolehkan kita menggunakan handphone secara percuma. Kita sedang pantau pretasinya dan jika tiada masalah kita akan teruskan dalam masa terdekat ini. DD juga dilibatkan dengan satu projek baru iaitu

Pusat Data (Data Centre) yang akan dibina di Jajahan Machang. Pusat pengumpulan maklumat ini telah dijalankan di Cyber Jaya. Data Centre di Machang akan dipenuhi dengan prasarana lengkap dan ianya merupakan yang pertama di Pantai Timur.

PMBK juga sedang meneroka industri minyak dan gas dengan membangunkan Independent Oil Terminal (IOT) di Pantai Senok, Bachok. Fasa pertama bagi kompleks ini akan dimajukan oleh Kumpulan Sukimi yang melibatkan kawasan seluas 50 ekar. Projek ini diunjurkan untuk membekalkan sumber tenaga kepada sektor industri dan mewujudkan peluang pekerjaan. Perancangan pada skala yang lebih besar akan diteroka apabila IOT siap dibina untuk menjadi punca tenaga dan pusat pertumbuhan baru di sebelah timur Kelantan. Kelantan Utiliti Mubarakan iaitu anak syarikat PMBK yang terlibat dalam infrastruktur dan utiliti sedang meneroka penggunaan tenaga solar dan NGV untuk dilaksanakan di Negeri Kelantan. Ia merupakan resolusi pelan



tenaga negeri yang berlanjung pada Jun 2008, bagaimanapun ia masih diperingkat kajian. Begitu juga dengan industri bioteknologi yang sedang berkembang pesat dimana ia dijalankan oleh PMBK melalui anak syarikat Kelantan Biotech Corp. dengan beberapa produk baru yang telah pun dipasarkan dan sedang dirancang.

Sebagai sebuah agensi Kerajaan, bagaimana PMBK boleh membantu usahawan dan peniaga kecil?

Bagi projek sedia ada dan akan datang, adalah menjadi tugas PMBK untuk mencipta peluang perniagaan dan pekerjaan. Sebagai contoh, kita telah memperuntukkan 410 unit bazaar di projek Madinatul Raudhah untuk digunakan oleh peniaga kecil di Kota Bharu. Bazaar yang dinamakan Bazaar Tok Guru ini dilengkapi dengan kemudahan yang selesa untuk peniaga disamping direka bentuk supaya mesra pengguna yang mana ianya terletak di lokasi yang strategik (Jalan Sultan Ibrahim). Kita berharap bazaar ini akan menjadi destinasi baru pelancong dan merencanakan perniagaan runcit di Kota Bharu.

Polisi pembangunan hartanah PMBK juga meletakkan sasaran untuk tidak mahu bersaing dengan syarikat pemaju tempatan. Kita disini untuk membantu, bukan untuk jadi pesaing. Contohnya Bandar Baru Tunjong, dimana kita sediakan peluang untuk syarikat tempatan dalam sektor pembinaan dan hartanah untuk mengambil peluang infrastruktur utama yang akan disediakan oleh PMBK kelak. Begitu juga dengan program yang dijalankan oleh Kelantan Biotech yang dipanggil Bio-mentee. Program ini merupakan skim galakan kepada usahawan untuk menceburkan diri dalam industri biotek seterusnya membuat capaian kepada pasaran industri biotek di dalam negara dan di peringkat antarabangsa.



Pelantikan saudara sebelum ini pernah menjadi isu kerana status hubungan keluarga dengan YAB Tok Guru, apa komen saudara?

haha.... (senyum) ini soalan sensitif. (senyap sekejap) Bagi saya, ciri terpenting kepada setiap pegawai kanan Kerajaan Negeri terutamanya orang yang mengetuai agensi kerajaan adalah perlu ada fikrah Islam yang jelas supaya selaras dengan dasar Kerajaan Negeri. Disamping itu ia perlu memahami dan menghayati dasar kerajaan supaya keperluan sebenar agensi yang dia ketuai benar-benar memenuhi denyut nadi dan pemikiran kerajaan negeri. Saya rasa ciri ini dapat dipenuhi oleh saya.

Selain itu setiap orang mempunyai pandangan masing-masing dan

mereka bebas menyuarakannya. Jika dilihat dari faktor kelayakan, saya mempunyai pengalaman dalam bidang kejuruteraan dan diiktiraf sebagai Jurutera Profesional empat tahun lalu oleh Lembaga Jurutera Malaysia. Saya juga mempunyai Sarjana Pengurusan Perniagaan (MBA) yang mungkin boleh membantu mencurahkan fikiran dan tenaga untuk menjayakan agenda dan misi kerajaan. Saya juga merasakan bahawa hubungan keluarga merupakan 'advantage' dalam konteks membaca dan memahami pemikiran YAB Tok Guru untuk diterjemah dalam bentuk pelaksanaan. Disamping itu kita perlu ada sikap untuk sentiasa memperbaiki diri di atas kelemahan yang ada dan tenang dalam menghadapi dugaan dan cabaran.

Cabaran yang dihadapi dalam merealisasikan impian PMBK?

Saya percaya tanggungjawab serta cabaran berjalan seiringan. Cabaran utama pada saya adalah untuk menterjemahkan dasar-dasar Kerajaan Negeri menerusi projek yang sedang dan akan dilaksanakan oleh PMBK. Ini adalah kerana setiap projek PMBK seharusnya mencerminkan misi serta visi Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan sebagai Pengerusi PMBK khususnya menjadikan Kelantan sebagai pengkalan Islam.

Sedikit komen mengenai edisi sulung majalah Qiadah?

Sebenarnya idea untuk menerbitkan sebuah majalah yang mem-

beri kelainan telah lama saya fikirkan. Saya juga amat minat kepada dunia penerbitan dan seni. Alhamdulillah bila saya maklumkan perancangan ini pada Tok Guru, Beliau terus memberi kelulusan dan menamakan majalah ini sebagai QIADAH untuk memenuhi tujuan penerbitan yang telah saya cadangkan. Dari segi kandungan, sebahagian besar menceritakan mengenai aktiviti dan perancangan kerajaan negeri dan ruang untuk aktiviti PMBK hanya 30%. Ianya disampaikan dalam dwi bahasa dengan gaya paparan yang segar untuk membuat capaian pembaca yang lebih besar. Ini yang saya kata kelainan. Konsep majalah ini saya kira 'out of the box'.

Kita mahu cetuskan pemikiran baru yang akan hangat diperkatakan dan seterusnya menggerakkannya untuk dilaksanakan. Sebagai Editor, saya juga memberi ruang destinasi dan bicara tokoh untuk 'recall' destinasi pelancongan Kelantan dan pahlawan / pemimpin yang pernah berjuang serta berjasa di negeri ini. Tema edisi pertama ialah 'GO GREEN' dimana kita mahu mendidik masyarakat untuk kembali kepada 'nature' dan memberi alternatif dalam penggunaan sumber tenaga selaras dengan dasar Kerajaan Negeri untuk memajukan sumber tenaga alternatif di Kelantan.

“ Pegawai PMBK harus memahami, memiliki dan seterusnya berkebolehan melaksanakan fikrah Islam selaras dengan misi YAB Tok Guru Menteri Besar, untuk membina kekuatan spiritual 'rohi' rakyat Kelantan. Mereka juga harus sedia berkorban masa dan tenaga untuk melaksanakan dasar-dasar PMBK dan Kerajaan Negeri. Mereka tak boleh anggap diri mereka hanya makan gaji sahaja. ”



“ Mengikut perkiraan saya, Qiadah akan muncul sebagai satu majalah korporat yang pertama seumpamanya di Kelantan. ”



KELANTAN BIOTECH Minyak Kelapa Dara KBCSB

OLEH : SITI MASITAH MOHAMED PHOTO : MOHD IQBAL ABD RAHMAN



Kejayaan Kelantan Biotech Corporation Sdn Bhd (KBCSB) menghasilkan penemuan baru dalam industri bioteknologi berasaskan minyak kelapa dara patut dibanggakan. Bersetujuan dengan objektif KBCSB untuk sentiasa berusaha meningkatkan pendapatan rakyat terutama petani dan penduduk luar bandar dengan menggunakan kaedah moden dalam bioteknologi, menjadikan KBCSB sebagai pemangkin pertumbuhan industri ini di negeri Kelantan.

Ramal yang tidak tahu minyak kelapa asli atau minyak kelapa dara yang diproses tanpa menggunakan haba atau bahan kimia sebenarnya mengandungi banyak khasiat. Pada awal 1930an, negara-negara Barat telah memulakan kajian ke atas kelapa dara dan mendapati penduduk di Kepulauan Pasifik menggunakan buah kelapa sebagai sumber makanan harian. Kajian mendapati kandungan lemak tepu pada buah kelapa memberi kesan positif terhadap kesihatan penduduk di

kepulauan tersebut. Kajian juga mendapati mereka mempunyai kadar peratusan penyakit kronik seperti jantung dan kanser yang rendah.

Isi buah kelapa matang yang telah dibersihkan, diparut dan diperah untuk mengeluarkan santan. Santan akan dibekukan pada suhu 2-3°C sebelum diproses. Santan beku akan dimasukkan ke dalam bioreaktor bagi proses fermentasi dan pemisahan. Tujuan utama proses ini

adalah untuk memastikan santan dapat bertindak balas dengan lengkap.

Hasilnya, tiga fasa lapisan iaitu air santan, hampas dan minyak. Minyak ini akan ditapis dan digunakan sebagai makanan tambahan dan juga untuk pembuatan produk-produk hiliran seterusnya.



Antara produk hiliran yang dihasilkan berasaskan minyak kelapa dara seperti makanan kesihatan, syampu, sabun badan aromaterapi, lulur badan, minyak urut aromaterapi, minyak rambut dan juga bam. Kesemua produk ini sudah memasuki pasaran di dalam dan luar negeri Kelantan. KBCSB telah menjalin usaha sama dengan syarikat bioteknologi, Success Biotech Ventures Sdn Bhd bagi mengkomersilkan produk minyak kelapa

dara (VCO) yang berjenama NUTRIFERA dan juga sebagai projek perintis bioteknologi di negeri ini.

Khasiat yang terkandung dalam minyak kelapa dara dikenalpasti dapat meningkatkan dan memperbaiki sistem pertahanan badan, meningkatkan kadar metabolisme, menurunkan berat badan, anti penuaan, anti kedutan, anti-oksida, melindungi kesan ultra violet, meningkatkan pertumbuhan sel kulit serta mengurangkan risiko dan kesan kanser.



KBCSB ditubuh pada 15 Disember 2005 diketuai oleh Pengerusanya, Zamakhshari Muhamad yang berpengalaman luas dalam bidang bioteknologi dibantu oleh enam kakitangan. Selain projek minyak kelapa dara, KBCSB merancang menghasilkan baja bio-organik Alam Hijau dan projek bio-satelit. Projek bio-satelit dibangunkan dengan kerjasama Universiti Sains Malaysia (USM) untuk mengeluarkan enzim dan tisu kultur. Pengeluaran enzim secara komersial dijangka bermula pada Januari 2009

Sementara itu, kerja-kerja pembinaan kilang Inkubator Biotek yang bertaraf Good Manufacturing Practise (GMP) giat dijalankan. Kilang ini akan menempatkan semua aktiviti permulaan KBCSB dan memulakan program inkubator bagi menggalakkan syarikat swasta terlibat dengan bioteknologi secara usahasama di negeri ini.

Majlis pecah tanah projek di atas tapak seluas empat ekar di Mukim Labok, Machang itu telah disempurnakan oleh Menteri Besar, Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat pada Februari 2008 lalu.

Kerajaan belanja **RM 14.6** juta realisasikan **Skim Takaful Kifaalah**

Oleh : Siti Masitah Mohamed

Skim Perlindungan Sosial Tengku Anis atau lebih mudah dikenali dengan nama Skim Takaful Kifaalah kini sudah sehati dengan masyarakat Kelantan.



Skim bantuan

khairat kematian ini diberikan khusus kepada warga emas yang berusia 60 tahun ke atas mencerminkan keprihatinan kerajaan negeri terhadap kebajikan golongan ini, sekaligus menjadikan Kelantan satu - satunya negeri yang menjalankan dasar kebajikan seumpama ini di Malaysia.

Idea cetusan Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat, Menteri Besar Kelantan ini dilancarkan pada 19 Muharram 1428 Hijrah bersamaan 7 Februari 2007.

Sejajar dengan perkataan 'Kifaalah' yang membawa maksud 'perlindungan', skim ini berjaya menarik perhatian kumpulan sasaran apabila 96,621 warga emas mendaftarkan diri sehingga September 2008. Kerajaan negeri telah menyediakan peruntukan sebanyak RM3.2 juta menerusi Bajet Kelantan Sejahtera 2007.

Di awal pelancarannya, Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) menjadi agensi pelaksana sebelum penubuhan anak syarikatnya, Kifaalah Sdn Bhd pada 1 Mac 2007 yang kemudiannya dipertanggungjawab sebagai penggerak skim ini di seluruh Kelantan. Kifaalah Sdn Bhd mendapat kerjasama dari Tabung Amanah Tok Kenali dalam pengedaran borang keahlian.

Borang yang lengkap diisi dike-maskini dalam sistem e-kifaalah. Senarai ini kemudiannya diserahkan kepada syarikat takaful bagi proses pencaruman dan penyediaan kad kifaalah peserta.

Sehingga September 2008, seramai 8,069 ahli telah meninggal dunia. Wasi-wasi ahli yang meninggal dunia telahpun menerima wang khairat kematian sebanyak RM2,500. Nilai RM500 diberikan kepada wasi pada hari ahli meninggal dunia, selebihnya sebaik sahaja prosedur-prosedur lain dilakukan. Sehingga kini RM14.6 juta dibelanjakan untuk pembayaran tersebut.



Monyet : Terima kasih Kancil. Terima kasih kura-kura

Monyet **ternampak pokok Cili**

Monyet : Aku nak itu! Aku nak itu

Kancil : Tak boleh Monyet! Kita tak boleh makan buah tu.

Monyet : Aku tak peduli! Aku tak peduli!
Aku nak juga.

Animasi & Hassan *ibarat irama dan lagu*



STUDIO ANIMASI • MULTIMEDIA • FILEM DIGITAL

Begitulah bait-bait dialog filem cereka animasi Sang Kancil dan Monyet, hasil kerja seorang yang pernah bergelar Tokoh Animasi Malaysia, saudara Hassan Abd. Muthalib. Sebagai Presiden Persatuan Animasi Malaysia (Animas), saudara Hassan dengan pengalaman menjangkau hampir 40 tahun dalam dunia animasi menganggap seperti irama dan lagu yang tidak boleh dipisahkan. Malahan ianya

saling melengkapi satu sama lain. Selama hampir dua dekad beliau menyimpan impian untuk mengendalikan sebuah pusat animasi.


Pertemuan secara kebetulan dengan Prof Emeritus Dato' Dr. Mohamad Zawawi Ismail, bekas Naib Canselor dan pengasas Universiti Malaysia Sarawak (Unimas), di London beberapa tahun lalu, membawa Hassan ke negeri Serambi Mekah lalu

tertubuhlah pusat animasi pertama di Kelantan.

D.D Multimedia Solution Sdn Bhd (Darul Digital) ditubuhkan pada 29 Januari 2007 dan memulakan operasinya pada 3 April 2007 merupakan anak syarikat milik Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK).

Darul Digital yang berpangkalan di Kota Bharu merupakan pusat latihan animasi yang pertama di Kelantan. Matlamat utama penubuhan adalah untuk melahirkan animator yang kreatif serta berkemahiran tinggi untuk memeriahkan lagi industri animasi negara. Exclusive Harmony Sdn Bhd, syarikat milik Prof Emeritus Dr Zawawi telah dilantik untuk menyediakan modul pembelajaran serta latihan bagi pelajar Darul Digital. Berdasarkan kepada pengalaman beliau yang cukup luas, saudara Hassan dilantik sebagai Pengarah Program Darul Digital pada awal 2008.

Berbekalkan kepakaran serta pengalaman dalam bidang animasi, beliau nekad untuk membantu setiap pelajar mempelajari teknik penghasilan animasi seterusnya membawa Darul Digital muncul sebagai sebuah pusat latihan animasi terulung dan disegani di Malaysia. Penubuhan Darul Digital juga mendapat pujian dari pengarah filem terkenal Iran, Majid Majidi, pengarah filem **Children of Heaven**.



DI STUDIO ANIMASI LONDON 1979

Dilahirkan pada 03 November 1945 di Alor Star, Kedah dan dibesarkan di Jelutong, Pulau Pinang, saudara Hassan mendapat didikan awal di Pulau Pinang sebelum melanjutkan pelajaran ke Sekolah Menengah Georgetown. Sebaik tamat tingkatan lima, beliau berhijrah ke Kuala Lumpur. Berbekalkan minat serta kesungguhan, beliau diterima bekerja di Pasaraya Robinsons dan bertanggungjawab ke atas kerja-kerja dekorasi pasaraya tersebut. Di pasaraya inilah kerjaya seni beliau bermula sebelum beliau berhijrah ke Filem Negara pada tahun 1967 sebagai pereka set bagi tujuan penggambaran.

Berbekalkan kesungguhan serta bakat yang sedia ada, beliau telah ditawarkan jawatan Ketua Unit Seni-reka di Jabatan Penerangan Malaysia pada tahun 1981. Ketika berkhidmat bersama jabatan ini beliau telah dipertanggungjawabkan untuk menghasilkan filem animasi pendek kisah Sang Kancil dan Buaya serta Sang Kancil dan Monyet. Kedua-dua filem animasi pendek ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan serta berjaya mengharumkan nama beliau sebagai *animator* yang disegani.

Pencapaian paling membanggakan dalam kerjaya seni beliau adalah apabila terbitnya filem animasi pertama negara, *Silat Legenda*. Filem yang diterbitkan pada tahun 1998 ini menyaksikan beliau bertindak sebagai pengarah, penulis skrip dan penyelia *visual effects*.



LUKISAN ATAS BATU, KOREA UTARA

DARUL DIGITAL - MAKMAL 3D



Bakat seni beliau tidak hanya terhenti dalam bidang animasi dan pengarah filem, beliau juga turut aktif berlakon. Antara lakonannya yang berjaya meninggalkan kesan adalah dalam teater Ronggeng Rokiah dimana beliau memegang watak sebagai sutradara filem Melayu B.N Rao. Beliau juga turut bertindak sebagai pereka konsep set pementasan teater tersebut.

Penglibatan beliau di bidang seni mendapat pengiktirafan apabila berjaya memenangi pelbagai anugerah di majlis Anugerah Sri Angkasa serta Festival Filem Asia Pasifik di Jakarta. Antara anugerah yang dimenangi adalah Dokumentari Terbaik, Treler Terbaik serta Kesan Visual Terbaik yang dimenangi melalui filem *Mat Gelap* lakonan Imuda.

Walaupun bersara tetapi beliau masih lagi aktif dan melibatkan diri dalam program serta seminar perfileman bukan sahaja di seluruh negara malahan di rantau Asia dimana beliau telah dilantik untuk membentangkan kertas kerja di Tokyo. Disamping itu juga beliau telah menganjurkan kursus serta bengkel animasi di India dan Sudan.

Sebagai tenaga pengajar, beliau mendedahkan pelajarinya kepada aspek-aspek asas animasi dengan memberikan penekanan kepada aspek personaliti sebagai teras kepada kewujudan sesuatu watak animasi dengan menggunakan teknik *flour sack*, *bouncing ball*, *wave principle* dan *pink panther dive*. Manakala dalam kursus jangka pendek yang memakan masa selama 2 bulan, pelajar akan mempelajari asas seni lukis, penulisan cerita, rekaan watak kartun, penyediaan papan cerita (*storyboard*), serta teknik animasi dan perisian animasi 2D dan 3D.

Pelajar di Darul Digital juga cukup bertuah kerana mendapat bimbingan saudara Hassan dalam asas perfileman terutamanya dalam sinematografi, suntingan, kesan bunyi dan juga lakonan.

Beliau berpegang teguh pada prinsip tiada yang mustahil dalam hidup jika seseorang itu benar-benar yakin dan berusaha untuk mencapai matlamatnya. Beliau meletakkan minat sebagai asas perjuangan. Baginya, minat yang mendalam terhadap dunia animasi dan perfileman banyak dibantu oleh sikapnya yang suka membaca buku cerita dan komik.

Beliau boleh berbangga kerana berkat dedikasi beliau dan tenaga pelajar serta kesungguhan pelatih, Darul Digital telah berjaya melahirkan seramai 132 orang graduan sejak penubuhannya. Berdasarkan maklum balas graduan Darul Digital tidak menghadapi masalah untuk mendapatkan pekerjaan.



DENGAN MAT SENTOL - ANIMATOR FILEM CEREKA PERTAMA



Gudang perniagaan **INTAAJ** kini beroperasi

Pada 21 Ogos 2008 yang lalu, INTAAJ PIPES INDUSTRIES SDN BHD (INTAAJ) iaitu sebuah syarikat usahasama diantara Kelantan Utilities Mubaarakan Holdings Sdn Bhd (KUM), anak syarikat milik penuh Perbadanan Menteri Besar Kelantan bersama syarikat Kinson Manufacturing Sdn Bhd telah secara rasmi memulakan perniagaan pembekalan berkaitan dengan produk-produk paip termasuk juga kelengkapan yang lain bagi semua jenis dalam industri air. Syarikat Kinson juga mempunyai kelulusan dari Kementerian Kewangan sebagai pengilang, kelulusan produk dari IKRAM dan mendapat pensijilan ISO 9001:2000 dari UKAS.



Satu majlis perasmian pembukaan gudang perniagaan telah diadakan di tapak gudang tersebut pada 21 Ogos 2008 di Kawasan Perindustrian Pengkalan Chepa II yang dirasmikan oleh YB Mejar (B) Md. Anizam b. Ab. Rahman, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerjaraya, Utiliti dan Alam Sekitar Negeri Kelantan. Majlis turut dihadiri oleh semua ahli Lembaga Pengarah INTAAJ dan tetamu jemputan terdiri dari ketua-ketua jabatan kerajaan persekutuan dan negeri, kontraktor-kontraktor, jurupunding, pembekal-pembekal paip dan tetamu yang lain.



KELANTAN

Biotech Corporation SDN BHD



Revive The Excellence of Islamic Civilization in Biotechnology


OUR PRODUCTS PORTFOLIO



Health & Personal Care



Tissue Culture



Bio Organic Fertilizer



Industrial Enzymes



Kelantan Darulnaim dengan keluasan lebih kurang 14,922 kilometer persegi merupakan sebuah negeri agraria atau pertanian yang kaya dengan sumber asli. Ekonomi Kelantan adalah berasaskan pertanian padi, getah dan kelapa sawit. Sektor perladangan getah dan kelapa sawit merupakan antara sektor yang sedang pesat berkembang.

Pada Januari 2008 telah berlangsung satu upacara simbolik bagi menandakan bermulanya penyerahan 70 peratus ladang yang diusahakan oleh Felcra Berhad secara berperingkat kepada Kerajaan Negeri Kelantan yang meliputi 3 zon iaitu Gua Musang, Pasir Mas dan Tanah Merah / Jeli.

Peluang di Sektor Perladangan dan Pertanian

Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) melalui anak syarikatnya, PMBK Sawit Sdn Bhd telah diberi tanggungjawab untuk mengendalikan pengurusan ladang yang diserahkan oleh Felcra Berhad.

TEKS OLEH : ROSA ROS


Ladang yang terlibat meliputi tanaman getah dan kelapa sawit. Penyerahan ini adalah hasil rundingan hampir 4 tahun di antara kedua belah pihak.

Disamping itu juga PMBK Sawit akan memulakan projek penanaman kelapa sawit yang melibatkan keluasan 10,000 ekar tanah ladang di Berangkat dan Batu Papan yang terletak di bawah Jajahan Gua Musang pada tahun hadapan.

PMBK Sawit melalui kewujudan ladang-ladang baru serta yang sedia ada menyediakan 1,000 peluang pekerjaan dalam sektor perladangan. Prestasi kukuh harga getah dan sawit di pasaran antarabangsa juga membolehkan pekerja di sektor ini mampu meraih pendapatan bulanan yang lumayan iaitu di antara RM2,000 ke RM3,000 sebulan.

Tenaga kerja di sektor perladangan kini didominasi oleh tenaga kerja asing iaitu dari Indonesia dan Thailand.

Antara insentif yang diwujudkan oleh PMBK Sawit untuk menarik minat pekerja tempatan melibatkan diri dalam bidang ini adalah pembayaran gaji seminggu sekali berbanding dua minggu yang sedang dilaksanakan kini.



Usaha PMBK Sawit dalam membantu meningkatkan taraf hidup dan pendapatan penduduk luar bandar terutamanya golongan petani tidak terhenti dengan hanya mewujudkan peluang pekerjaan sahaja.

Usaha sedang dijalankan oleh PMBK Sawit untuk memberi peluang kepada golongan terbabit untuk menjadi pekebun kecil dengan mengusahakan tanah terbiar melalui projek penanaman kelapa sawit.

Anak - anak benih kelapa sawit akan dibekalkan kepada pekebun yang berminat untuk mengerjakan tanah yang terbiar walaupun hanya dengan keluasan satu atau dua ekar tanah sahaja. PMBK Sawit menjangkakan usaha tersebut akan memberi pulangan yang lumayan kepada golongan tersebut.



SEKOLAH ATAS TEMBOK

guru, murid dan kurikulum, AHMAD FATHUDDIN MAHMUD
menjejaki medan ilmu seorang tok guru

foto MOHD IQBAL ABDUL RAHMAN



"Tetapi tidak ada sesiapa dapat menolak perasaan tenteram yang akan wujud apabila anda sendiri berpeluang berada di sana; sama ada di atas jalan atau di kaki lima dan celah-celah bangunan"

Kedamaian! Satu perasaan yang dapat dirasai oleh sesiapa yang mengikuti kuliah pagi Jumaat Tuan Guru Menteri Besar Kelantan, Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat di Medan Ilmu, Jalan Dato' Pati, Kota Bharu, Serambi Mekah.

Bukan sebagai iklan atau propaganda ataupun satu bodekan dan 'pujaan' terhadap Mursyidul Am Pas itu. Penulis sendiri amat rimas dan kadang kala kaget dengan tindakan sesetengah penyokong yang lagaknya

seolah-olah seperti mendewakan Tuan Guru Nik Aziz. Pernah juga menyaksikan bagaimana seorang tua menolong Nik Aziz atau panggilan mesranya Tok Guru, memakai kasut dengan memegang setiap belah kaki pemimpin nombor satu Pas itu. Terkesima seketika.

Tetapi tidak ada sesiapa dapat menolak perasaan tenteram yang akan wujud apabila anda sendiri berpeluang berada di sana; sama ada di atas jalan atau di kaki lima dan celah-celah bangunan.

Duduk berhimpit dengan pakcik, makcik, abang, kakak, malahan anak-anak kecil yang meragam tidak pula merimaskan sebaliknya memberi kesedaran betapa ramai saudara seIslam yang kita punyai, walau tidak pernah bersua tetapi ikatan persaudaraan seakidah membuat hati sedikit mekar dengan kasih dan sayang.

Jangan pula tersilap sangka. Yang lelaki sudah tentu berada di tempat yang dihaskan untuk lelaki dan begitu jugalah wanita. Melihat kepada usaha setiap



peringkat usia yang datang dari jauh dan dekat sama ada dengan duit sepenuh poket atau cukup-cukup untuk memasukkan 'seriyal dua' ke dalam kantung derma benar-benar membuahkan kemanisan kepada setiap yang mengaku terikat dengan 'gerakan'. Satu istilah yang barangkali agak asing bagi sesetengah pihak. Tidak perlu risau jika anda terlambat kerana tetap akan ada ruang, seluas atau sesempit manapun. Yang nyata, kesemuanya berada dalam keadaan yang serupa, tiada beda antara berdarjat ataupun tidak.

Di mana lagi tempat dalam Malaysia yang dapat direkodkan para muslimin dan muslimat dan kadang-kadang sahabat-sahabat bukan Islam duduk bersila atas jalan bertar atau lebih tepatnya jalan raya dengan berhamparkan kertas surat khabar untuk mendengar kuliah agama?

Datang awal anda mungkin berpeluang berada di bawah khemah yang disediakan oleh Majlis Perbandaran Kota Bharu - Bandar Raya Islam (MPKB-BRI).

"Pernah juga menyaksikan bagaimana seorang tua menolong Nik Aziz atau panggilan mesranya Tok Guru, memakai kasut dengan memegang setiap belah kaki pemimpin nombor satu Pas itu."

Malah duduk di pentas utama bersekali dengan Tok Guru. Datang lewat maka jangan lupa membawa tikar atau kertas untuk dibuat alas atau boleh juga menumpang di kaki lima kedai yang ada di sepanjang Jalan Dato' Pati. Berdiri pun bukan satu

perkara yang akan dipandang pelik jika anda larat berbuat demikian.

Dengan pembesar suara yang diletakkan di beberapa tempat

strategik, tidak ada yang akan terlepas mendengar butir kata Tok Guru dan penceramah yang lain malahan para peniaga dan pembeli yang membanjiri kawasan terbabit biasanya akan memperlahankan aktiviti jual beli mereka sebagai tanda hormat

semasa kuliah disampaikan.

Dari Masjid Muhammadi ke Dewan Zulkifli

Amalan mencari ilmu agama pada

"Bilangan anak tangga naik ke Dewan Zulkifli yang agak banyak dan meninggi sudah tentu boleh mencungapkan 'veteran' berusia 77 tahun seperti Tok Guru."

hari Jumaat sudah menjadi budaya masyarakat Kelantan dan daripada puluhan dan ratusan pilihan yang ada, mereka tentu memilih lokasi dan penyampai kuliah yang terbaik boleh didapati dan itu yang mereka cari di kuliah pagi Tok Guru.

Rutin menyampaikan kuliah pagi Jumaat ini telah menjadi 'makanan ruji' Tok Guru sejak tahun 60-an sehingga sekarang.

"Saya dulu mengajar di Masjid Kedai Lalat, kemudiannya di Masjid Muhammadi sampai tahun 1978, pindah pula mengajar di Dewan Zulkifli. Faktor turun ke bawah ini pula kerana saya tak cekak nak naik," jelas Tok Guru dengan vocab Kelantannya yang

tebal kepada hadirin menceritakan pengalaman beliau dalam salah satu siri kuliahnya di Medan Ilmu.

Dewan Zulkifli yang merupakan ruang sembahyang utama di Pejabat Perhubungan Pas Negeri Kelantan terletak di tingkat dua bangunan tersebut. Nama mantan Yang Dipertua Agung Pas, Almarhum Prof Zulkifli Muhammad itu diabadikan pada dewan tanda sayangnya parti kepada salah seorang pemikir ulung Islam yang berjuang dalam Pas. Almarhum meninggal dunia pada 6 Mei 1964 dalam satu kemalangan jalan raya selepas selesai menyampaikan amanat kepada wakil rakyat Pas Kelantan yang menang pilihan raya umum tahun itu.

Bilangan anak tangga naik ke Dewan Zulkifli yang agak banyak dan meninggi sudah tentu boleh mencungapkan 'veteran' berusia

77 tahun seperti Tok Guru. Lebih-lebih lagi selepas komplikasi berkaitan jantung yang dihadapinya beberapa tahun lepas.

Mengimbu kembali, senyuman manis Tok Guru dalam gambar yang dirakamkan akhbar berbahasa Inggeris, New Straits Times, dengan tangan membuat isyarat 'bagus' dari atas katilnya di Institut Jantung Negara (IJN) menjadi tanda penamat episod cemas yang menggemparkan seluruh negara itu, bukan sahaja untuk orang Pas tetapi juga Umno, tidak kira bagaimana bacaan suasana yang mereka pakai.

Berbalik kepada peralihan tempat menyampaikan kuliah dari Masjid Muhammadi, Kota Bharu pada tahun 1978 kepada Dewan Zulkifli. Ia berlaku setelah Pas kehilangan Kelantan di dalam pertarungan pilihan raya umum pada tahun tersebut. Jika sebelumnya Pas dan Umno bersama sebagai kerajaan dalam keluarga pelopor Barisan Nasional (BN), pilihan raya pada tahun itu menyaksikan Pas kembali sebagai sebuah parti pembangkang dan kalah dengan taktik dan strategi licik yang dimainkan 'Putera Umno' yang hakiki, Tengku Razaleigh Hamzah yang mengepalai Umno negeri pada waktu itu.

Dengan tauliah sebelum ini sebagai pengendali kuliah agama di situ diberi oleh Kerajaan Negeri menerusi Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK), Tok Guru dilarang meneruskannya lagi setelah tampuk kuasa bertukar tangan.

Dari tahun 1978 sehingga 2005, Tok Guru duduk bersila menyampaikan kuliah tafsir pagi Jumaat .



beliau dari rostrum Dewan Zulkifli kepada ribuan hadirin yang melimpah di dalam ruang sembahyang tersebut sampai ke bahagian bawah bangunan. Setiap anak tangga dipenuhi dengan geng 'datang lewat' ataupun mungkin mereka yang agak malu dikata 'taasub' dengan Tok Guru jika berebut mahu mengisi tempat di dalam dewan. Fenomena biasa sehingga ke hari ini dengan modus operandi berbeza

Kemudiannya, pentas kuliah beralih ke bawah bangunan apabila Tok Guru menyebut beliau 'tidak cekak lagi naik tangga'. Seluruh pengunjung yang membanjiri Medan Ilmu, tidak kurang 3,000 orang setiap kali kuliah diadakan, berpeluang melihat batang tubuh Nik Aziz semasa menyampaikan ceramah. Sama ada yang datang untuk mengutip mutiara kata ataupun yang sekadar melintas di celah-celah manusia yang bersila atas jalan, mereka bertuah kerana dapat melihat dengan lebih dekat Menteri Besar Kelantan tersebut. Jika membawa kamera, tidak ada pantang larang untuk sesiapa mengambil gambarnya.

Menadah ilmu di Jalan Dato' Pati

"Kita jadikan jalan ini Medan Hidayat dan Medan Selera. Jalan raya tempat kereta dan orang lalu lalang kita guna untuk belajar, biar orang nampak ada kuliah atas tembok, satu benda pelik yang tidak ada di negeri lain dan hanya ada di Kelantan. Kalau orang tiru, kita dapat pahala," kata Nik Aziz mengimbu tujuan ditutup Jalan Dato' Pati pada setiap pagi Jumaat.

Jalan sehalu yang panjangnya lebih 200 meter itu merupakan



lalan utama kenderaan yang keluar dari pusat bandar Kota Bharu. Ia berdekatan dengan stesen bas utama, stesen teksi atau kereta sewa dalam dialek Kelantan, pasar lama MPKB-BRI, bank-bank dan bermacam jenis gedung perniagaan. Setiap Jumaat, Jalan Dato' Pati akan ditutup dan bertukar menjadi

Medan Ilmu tempat orang mendengar kuliah dan membeli-belah di gerai-gerai yang menjual aneka barangan. Dari air minuman dan makanan, kepada minyak pelincir sehinggalah ubat-ubatan yang belum pernah kita lihat sebelum ini, semuanya ada di Medan Ilmu. Tok Guru sendiri akan membeli ikan

peliharaan kegemaran cucunya di sebuah gerai di situ.

Menurut Setiausaha Eksekutif Badan Perhubungan Pas Kelantan, Mohd Yassin Yusof, langkah menutup Jalan Dato' Pati pada setiap pagi Jumaat bermula pada tahun 1990 apabila Pas berjaya menawan kembali negeri itu setelah kemenangan dalam

pilihan raya umum bersama paktan Angkatan Perpaduan Ummah (APU).

"Kuasa menutup jalan terletak di bawah bidang kuasa undang-undang kecil kerajaan tempatan yang membolehkan pihak bandar berbuat demikian. Ia tidak menjadi masalah besar kerana jalan tersebut adalah jalan

sehalu dan ia hanya mula ditutup pada pagi itu sehingga selesai kerja-kerja mengemas semula khemah sebelum tengahari," katanya ketika dihubungi.

Sebahagian jalan menjadi tapak khemah dan sebahagian lagi lokasi gerai-gerai diletakkan. Turut ditutup adalah Jalan Maju, Jalan Hulu Pasar dan Jalan Ismail yang juga menjadi tempat peniaga kecil-kecilan memperdagangkan hasil mahsul mereka.

Menurut Mohd Yassin, kerja-kerja memasang khemah dan pentas dimulakan pada sebelah malam lagi. Jika dahulu, hanya Tok Guru yang menyampaikan kuliah bermula pada pukul 9.30 pagi, selepas pertengahan 2007, terdapat dua sesi disediakan iaitu antara 8.30 hingga 9.30 pagi dan dari 9.30 pagi hingga 10.30 pagi. Sementara menanti ketibaan Tok Guru mengisi sesi kedua, slot pertama itu dikhususkan untuk penceramah lain yang terdiri daripada ulama' yang sudah sedia ada dan juga pelapis masa depan kepimpinan Pas.

"Tuan Guru mahukan pemikiran khalayak lebih berkembang dengan pendedahan terhadap aliran pandangan mazhab-mazhab lain. Jadi penceramah bagi sesi pertama akan mengambil peranan itu menjelaskan tentang cabang ilmu yang ada daripada ulama' Islam terdahulu," kata Mohd Yassin lagi yang memberitahu penulis tentang kutipan daripada kantung derma yang diedar mencecah hampir RM3,000 setiap minggu. Benar kata Almarhum Dato' Fadhlil Noor, mantan Presiden Pas, duit parti berada dalam poket ahli-ahli Pas.

Secara umumnya terdapat empat perkara yang ditekankan penceramah yang bergilir-gilir pada sesi



pertama iaitu bab sirah, fiqhu daulah, fiqhu sahabah dan fiqhu mazhab. Antara yang menjadi penyampai adalah Ketua Dewan Ulama' Pas sendiri iaitu Datuk Mohamad Daud Iraqi yang amat pakar dalam menjelaskan perbezaan pandangan dalam mazhab.

Kebelakangan ini pula peluang menyampaikan kuliah kepada pelapis muda semakin kerap diberikan. Yang paling menonjol adalah pensyarah dari Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Ahmad Fadhlil Shaari yang baru berusia 28 tahun. Produk sepenuhnya sekolah agama Yayasan Islam Kelantan (YIK) ini memukau khalayak dengan ilmunya dan keupayaan berceramah tanpa perlu meniru gaya orang lain. Bukan berceramah kosong berdegang-degang tanpa isi seperti kebanyakan ustaz muda di Kelantan tetapi penuh dengan dalil dan maklumat tentang isu yang berlegar dalam masyarakat tempatan dan dunia luar.

Kuliah Nik Aziz sekolah ilmu terbuka

Tuan Guru Nik Aziz biasanya akan memulakan kuliahnya dengan membaca petikan ayat-ayat Al-Quran yang akan diulangi oleh seluruh yang hadir. Kemudian beliau akan menterjemah dan mentafsirkan ayat-ayat itu dan mengaitkannya dengan peristiwa semasa. Seperkara perlu diingatkan, Medan Ilmu bukan sekadar menjadi tapak kuliah malahan Tok Guru mengajar rakyat agar tidak canggung bersujud atas jalan apabila seringkali solat hajat diadakan di tempat sama.

Ramai yang membuat tohmahan Tok Guru suka mencemuh musuh politik beliau iaitu Umno dan BN dalam kuliahnya. Tidak dinafikan, sudah tentu ada masa Tok Guru berbuat demikian. Tidak lojik jika isu yang berlegar dalam negara seperti rasuah tidak disentuh oleh seorang pemimpin seperti beliau. Walaubagaimanapun, banyak ketika tidak ada satu perkara yang disebutnya dapat dijadikan modal politik oleh wartawan-wartawan yang mengikuti kuliah sebagai bahan memanaskan suasana antara Umno dan Pas. Tok Guru sebenarnya lebih banyak menasihati khalayak agar mengingati perintah Allah dan Rasul Nya dan meninggalkan perkara dilarang. Kalau ada pihak yang terkena tempias, terima sajalah.

Apa yang paling melekat di minda penulis adalah pelajar-pelajar di 'sekolah' Tok Guru adalah golongan yang buta warna jika mereka memahami ilmu yang disampaikan. Beliau sering mengingatkan bahawa bangsa bukan suatu perkara yang dipandang Allah sebaliknya sifat takwa yang menjadi kelebihan. Bagi Tok Guru semua orang tidak kira warna



kulit adalah sama dan beliau tidak kisah berada di belakang pemimpin Islam bukan Melayu. Inilah kenyataan yang datang dari seorang yang setiap masa mengamalkan berpakaian dan cara hidup Melayu yang tidak menyimpang dari Islam. Tidak ada Menteri Besar lain dalam negara yang berbaju Melayu lengkap setiap hari ke pejabat melainkan Tok Guru.

Selagi tiada keuzuran dan urusan lain, Tok Guru akan terus melakukan perkara yang paling disukai

beliau ini iaitu menyampaikan kuliah agama kepada

masyarakat. Sepanjang tahun, dari Rabiul Awal sehingga Zulkaedah, sama ada bulan Ramadhan atau bulan Syawal, masyarakat tanpa henti akan memasang telinga mendengar nasihat dan teguran daripada Tok Guru di sekolah ilmu atas jalan tar yang dalam dialek Kelantan di sebut tembok.



KURSUS FILEM & ANIMASI DI DARUL DIGITAL

PENGENALAN KEPADA ASAS ANIMASI 2D & 3D
ASAS FILEM • ASAS SENILUKIS • PENULISAN CERITA
REKAAN WATAK KARTUN • PENYEDIAAN STORYBOARD
TEKNIK ANIMASI 2D & 3D • PENGGUNAAN PERISIAN
ANIMASI 2D & 3D • APRESIASI FILEM

Tempoh kursus selama 2 bulan
Daftar segera, tempat terhad

Di kendalikan oleh tenaga pengajar yang terlibat dalam industri animasi

mohd zawawi ahmad
captures and writes about

the incalculable beauty
and Abundance of Nature's Wealth

in

*Kuala
Korh*



The sight of a well maintained cluster of wooden buildings in traditional Malay architecture and neatly kept compound greeted me upon my arrival at Taman Negara Kuala Koh. I was immediately transported back into the time of a Malay palace of old set amidst lush tropical jungle. The contrast from the monotonous palm oil plantations that I had driven through to get here was strikingly pleasant. Welcome to Taman Negara Kuala Koh, the only entry to the National Park from Kelantan.

Estimated to be about 130 million years old, this 1013 sq. km. of tropical forest is a pocket within a larger area of 4343 sq. km. National Park that straddles the three corners of the states of Pahang, Terengganu and Kelantan. It was only in 1995 that Taman Negara Kuala Koh was opened up to reduce the strain on the other more popular main point of entry, Kuala Tahan in Pahang. Considered comparatively new, the National Park, formerly known as King George V National Park, was established in 1939.


Thanks to the Jabatan Hidupan Liar dan Taman Negara (Department of

Wild Life and Parks) this vast protected area teems with various species of animal and fish that are able to thrive in the wild. Elephant droppings are often sighted especially further upstream where the Pertang River meets the Lebir River. Over 300 species of birds are also found here and an expert bird watcher would be able to spot half of them within a few days. The Park is certainly a great haven for bird watchers.

Having registered at the Park's office and paid the entrance and camera license fee, as well as rental for my chalet at the Resort Operator's office, I was given the key to one of the six chalets available at the resort. I was given the key to one of the six chalets available at the resort. I was pleasantly surprised to note that many improvements had been made. Instead of the previous foam mattress set on rickety wooden beds, I could now enjoy the comfort of lying down on clean bed sheets covering a spring mattress that even comes with a matching divan! Even the attached bathroom looked inviting. Unfortunately, I've not made this trip just to spend precious time honeymooning in my cosy chalet. The beauty of



How To Get There : Taman Negara Kuala Koh is approx. 290 km from Kuala Lumpur, 90 km from Gua Musang and 185km from Kota Bharu. Don't miss the Aring Junction at Felda Ciku 3. From this junction it is 45 km of paved road through oil palm plantations.



nature beckoned.

A group of anglers arrived and they wanted to proceed immediately to the many fishing spots known as Lubuk Kedah, Lubuk Kaloi, Lubuk Jengal, Lubuk Mahang. The Park's Ranger encouraged me to follow them so I'd be able to capture some photographs along the river. I was glad I did – the view along the Lebir River was simply stunning. Although I wasn't able to see any fish in the water as it was pretty

turbid, I knew there was fish lurking in there judging by the many anglers seen patiently waiting by their bait. I was regaled by stories of the big ones that got away, pulling the anglers' expensive rods with them into the deep labyrinth of the 'lubuk' (fish lair) in the process.

The trip back, minus the others, just the boatman and I, seemed more serene and almost surreal. I spotted a long tailed monkey perched on a dead trunk jutting

over the water poaching for fish. Unfortunately, it scampered away as we approached. These monkeys are the prey of a bigger fish known as 'ikan belida' among the locals.

The Park Ranger took me for a walk on the recently rebuilt 300 meter long canopy walkway. Walking along the tree tops, at times at a height of 45 meters from the forest floor gave me the goose bumps especially when the walkway swung from side to side.

With a camera in one hand, I only had my other hand to cling on for my dear life.

